

**Bil. 44**

**Isnin  
14 Oktober 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
Memperkenankan Akta-akta	(Ruangan 1)
Perutusan Daripada Dewan Negara	(Ruangan 2)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 3)
<b>USUL:</b>	
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT     DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18</b> - <i>Pemulauan Akhbar Sarawak Borneo Post,</i> <i>See Hua Daily News, Sin Hua Evening News</i>	(Ruangan 17)
Ucapan Takziah Kepada Puan Sri Liew Foong Ying dan Keluarga atas Kematian Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo	(Ruangan 19)
Merentikan Kuatkuasa Peraturan Meayuarat 48, Di bawah Peraturan Mesyuarat 90 Sepanjang Tempoh Perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996	(Ruangan 21)
Usul Pindaan Ke Atas Usul Merentikan Kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 Oleh Y.B. Tuan Lim Kit Siang	(Ruangan 22)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 20)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996	(Ruangan 26)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)



- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb. Oktober, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996;
2. Akta Insurans 1996;
3. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1996) 1996;
5. Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996;
6. Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996;
7. Akta Kastam (Pindaan) 1996;
8. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1996;
9. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1996;
10. Akta Koperasi (Pindaan) 1996;
11. Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1996;
12. Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan) 1996;
13. Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 1996;
14. Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 1996;
15. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996;
16. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 1996;
17. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Pindaan) 1996;
18. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 1996;
19. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pindaan) 1996;
20. Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996;
21. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996;
22. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1996; dan
23. Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“8hb. Ogos, 1996

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA KEPADA DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:-

1. Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996;
2. Rang Undang-undang Insurans 1996;
3. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996;
5. Rang Undang-undang Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996;
6. Rang Undang-undang Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1996;
7. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1996;
8. Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1996;
9. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1996;
10. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1996;
11. Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1996;
12. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pindaan) 1996;
13. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 1996;
14. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 1996;
15. Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian 1996;
16. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 1996;
17. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Pindaan) 1996;
18. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 1996;
19. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pindaan) 1996;

20. Rang Undang-undang Amanah Luar Pesisir Labuan 1996;
21. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996;
22. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996; dan
23. Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

#### **SINDIKET PENYELUDUPAN PENDATANG TANPA IZIN - LANGKAH MEMBANTERAS**

1. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berikutan dengan usaha gigih Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) mengesan dan membanteras anasir-anasir sindiket penyeludup pendatang tanpa izin sepertimana tertangkapnya seorang pemandu van sebagai “tekong darat” membekalkan pakaian seragam pekerja kilang kepada pendatang asing di Chipping, Kangar, Perlis baru-baru ini; persoalannya berapa banyakkah sindiket yang telah dikenal pasti setakat ini di seluruh negara dan apakah perancangan dan tindakan serius dari segi keupayaan lojistik dan tenaga manusia, dan juga dari segi kuasa undang-undang yang ada untuk memastikan usaha penguatkuasaan terhadap pendatang tanpa izin ini betul-betul diperketatkan dan berkesan; dan
- (b) apakah perancangan dalam jangka masa pendek dan panjang dari segi sosio-ekonomi dan keselamatan diambil oleh kementerian untuk menentukan pendatang asing yang diberi kelulusan untuk tinggal sementara, dan mereka yang datang tanpa izin ke negara kita yang begitu ramai beranak-pinak, tidak akan menjadi suatu kuasa yang boleh mengancam sosio-ekonomi dan keselamatan negara Malaysia di suatu hari akan datang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memastikan berapa banyak sindiket yang bergiat di dalam membawa masuk pendatang asing ke negara ini. Walau bagaimanapun, dalam lima tahun yang lepas, 536 orang telah ditangkap dan dikenakan tindakan mengikut undang-undang atas kesalahan membawa masuk pendatang asing secara bertentangan dengan Akta Imigresen 1959/63.

Di dalam hal ini, kerajaan memang serius di dalam membanteras kegiatan penyeludupan pendatang asing ini. Agensi-agensi penguatkuasa terutamanya polis dan imigresen sentiasa diberi bantuan lojistik dan tenaga manusia setakat yang termampu oleh negara. Pada masa ini Kementerian Dalam

Negeri sedang berusaha untuk mendapatkan anggota tambahan bagi memperkuat lagi Unit Penguatkuasa bagi kedua pihak imigresen dan polis. Di samping itu, sebuah badan khas iaitu pasukan Petugas Pekerja Asing telah ditubuh bagi merancang dan menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan agar lebih berkesan.

Dari segi perundangan, kerajaan merancang meminda Akta Imigresen 1969/63 bagi mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan-kesalahan membawa masuk pendatang asing secara yang bertentangan dengan undang-undang dan juga kepada sindiket-sindiket memalsukan dokumen-dokumen dan endosmen-endosmen imigresen.

- (b) Kerajaan memang berusaha memastikan pekerja asing yang datang ke negara ini kembali ke negara asal mereka setelah tempoh perkhidmatan mereka tamat. Di dalam hal ini, kerajaan telah meluluskan sistem pengurusan pekerja asing berkomputer bagi mengenal pasti pekerja-pekerja asing di negara ini. Dengan sistem ini, pihak penguatkuasa akan dapat mengesan pekerja-pekerja asing yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka dan patut dihantar pulang.

Bagi mereka yang datang secara tanpa izin, pihak penguatkuasa akan memberhebatkan lagi Ops Nyah II bagi menangkap mereka yang hadir di negara ini secara tanpa izin dan mereka yang ditangkap akan diusir ke negara asal mereka.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di masa-masa kebelakangan ini terdapat ramainya atau kerap kalinya berlaku kes-kes kumpulan yang datang tanpa izin ini melakukan kesalahan seperti yang kerap didengar oleh kumpulan dari Bangladesh mengganggu anak isteri orang di negara ini dan apakah bentuk tindakan tegas atau immediate dengan izin, kepada kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini untuk menentukan bahawa sosio-ekonomi negara ini jangan terjejas oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, semua pekerja asing yang diberi permit kerja sebelum mereka diizinkan untuk masuk telah pun ditetapkan dengan syarat-syarat bahawa apa yang mereka seharusnya patuhi dan apa yang mereka tidak sepatutnya buat. Dari segi terdapat sebilangan mereka ini telah mengganggu ataupun perangai mereka bertentangan dengan budaya kita, kerajaan atau penguatkuasa akan mengambil tindakan tegas untuk menyiasat kita tidak akan teragak-agak untuk membatalkan permit kerja.

Mengenai kajian dan keputusan yang lebih menyeluruh, satu mesyuarat penting akan diadakan di dalam minggu ini untuk membincangkan selanjutnya mengenai semua hal mengenai pendatang tanpa izin dan juga hal-hal pekerja asing.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan daripada tindakan yang telah diambil oleh kerajaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa jumlah pendatang asing ini makin bertambah atau berkurangan dan bolehkah diberi tahu angkanya kalau berlaku pertambahan ataupun berkurangan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tahu angka pendatang tanpa izin, oleh kerana mereka ini tidak sah, memang susah untuk kita anggar, tetapi dari segi hendak membuat satu estimate di dalam beberapa tahun ini, pendatang tanpa izin ini boleh dikatakan adalah dalam bilangan yang besar, selagi adanya majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab mengambil mereka untuk



bekerja, bilangan itu tetap akan menjadi besar dan tindakan penguatkuasa tidak berhenti selama ini. Sebagai contohnya dari bulan Julai, 1992 sampai Januari, 1996 penguatkuasa telah pun menangkap seramai 174,473 orang pendatang tanpa izin, maknanya operasi ini tidak longgar langsung, tetapi yang menjadi masalah ialah majikan mereka begitu berani mengambil pendatang. Itu sebabnya kita hendak pinda akta, kita hendak adakan tindakan-tindakan yang lebih tegas.

#### UNDANG-UNDANG HANDS FREE TELEPHONE - PENGUATKUASAAN

2. **Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa ramaikan pemandu-pemandu kenderaan telah disaman setelah undang-undang "hands free telephone" dikuatkuasakan; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai perangkaan tertentu untuk membuat pernyataan bahawa menggunakan telefon tanpa "hands free kit" merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemalangan di jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perundangan melarang penggunaan telefon tangan ketika memandu tanpa menggunakan alat bebas tangan mula berkuatkuasa pada 12hb. Ogos, 1996. Sepanjang tempoh itu sehingga 30hb. September, 1996 seramai 472 orang pemandu telah pun disaman.
- (b) Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan telefon hands free, dengan izin semasa memandu merupakan satu daripada faktor yang boleh menyebabkan kemalangan jalan raya. Bagaimanapun, faktor ini bukanlah satu faktor utama kerana hanya sebilangan kecil sahaja pemandu yang menggunakan telefon bimbit.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang telah pihak kementerian lakukan berhubung rungutan pemandu-pemandu teksi di Kuala Lumpur kerana mereka dilarang menggunakan set telefon yang dipasang dalam kereta-teksi mereka dan yang mana sebahagian pemandu-pemandu teksi baru-baru ini telah memboikot, tidak mahu memandu sebagai tanpa protes, macam mana masalah ini hendak diatasi oleh kementerian dan bilakah alat baru hendak diperkenalkan; jika ada, berapakah harganya?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu perbincangan telah pun diadakan di antara kementerian dengan Persatuan Pengusaha-pengusaha Teksi yang menggunakan radio iaitu yang dahulunya memegang telefon ketika mereka menerima pesanan dari pelanggan. Dalam perbincangan tersebut kita telah pun dapat menemui satu kaedah yang diperkenalkan oleh juruteknik tempatan yang mana dengan memasang 'hands free car-phone' ini cuma dikenakan bayaran RM30 sahaja. Atas perbincangan begini Persatuan Pengusaha Teksi telah pun bersetuju untuk memasang kepada kereta-kereta teksi yang menggunakan radiocar, dengan ini masalah ini telah pun selesai dan kita telah pun memberi tempoh yang sesuai bagi teksi-teksi memasang alat ini bagi mengelakkan mereka memegang telefon ketika mereka memandu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah dua bulan larangan ini dikuatkuasakan sebanyak 432 saman telah dikeluarkan. Saya ingin tahu berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak JPJ sendiri dan pihak polis dan berapakah jumlah kompaun telah dibuat dan adakah di antara kes-kes tersebut yang dibawa ataupun dichallenge di mahkamah di seluruh negara?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini semua kes adalah dikenakan kompaun sebanyak RM300. Manakala jumlah yang dikompaun oleh polis dan juga JPJ lebih kurang 80% disaman oleh polis, yang 20% lagi disaman oleh JPJ. Manakala setakat ini kutipan kompaun yang telah dikutip oleh JPJ dalam rekod kementerian adalah RM 3,600. Manakala yang telah dikutip oleh polis, saya perlukan notis untuk memberikan maklumat.

### LESEN KENDERAAN AWAM - PERMOHONAN YANG BERJAYA DAN GAGAL

3. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan pemohon-pemohon di bawah pada tahun 1995 dan 1996 yang berjaya, gagal, masih dalam pertimbangan serta masih belum diproses lesen kereta sewa, lesen teksi, lesen limosin, lesen bas ekspres dan lesen bas sekolah.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, mulai 24hb. Jun, 1995 permohonan untuk mendapatkan lesen kereta sewa, lesen teksi, lesen limosin yang berpangkalan di lapangan terbang dan bas ekspres telah dibekukan. Oleh hal yang demikian, sejak tarikh tersebut sehingga ke hari ini tidak ada lesen yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, bagi lesen bas sekolah, ia tidak tertakluk kepada pembekuan dan permohonan diterima dan diluluskan sewajarnya jika memenuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sebelum pembekuan dibuat dalam bulan Jun tahun lepas, saya ingin perturunkan angka-angka mengenai permohonan dan mereka yang berjaya dan mereka yang gagal. Mulai Januari hingga Jun tahun 1995 kereta-kereta sewa yang berjaya 238; yang gagal 1,379. Bagi teksi, 57 yang berjaya, 520 gagal. Bagi limosin, 30 berjaya, 24 gagal dan bagi bas ekspres 17 yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bas sekolah pula, pada tahun lalu 1995, permohonan yang berjaya berjumlah 682, yang gagal 285. Sepanjang tahun ini, sebanyak 320 permit ataupun lesen bas sekolah baru telah diluluskan, yang tidak berjaya 103, dan kira-kira 10 lagi masih dalam proses.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpisah dengan rakan-rakan saya daripada pihak pembangkang, [*Tepuk*] kerana hari ini kami bertukar tempat. Semoga perubahan tempat ini akan berlaku juga pada Dewan Undangan Negeri Kelantan, [*Tepuk*] dan seterusnya akan membawa harapan cerah, harapan baru untuk menukar kerajaan negeri Kelantan, insya-Allah. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. [*Ketawa*] Saya ingin menumpukan perhatian kepada soal perkhidmatan kereta sewa, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar sekarang ini perkhidmatan kereta sewa secara haram sedang beroperasi secara meluas. Adakah pihak kementerian berhajat untuk membuat satu kajian yang terperinci dan seterusnya memikirkan suatu rangka supaya mereka dapat beroperasi secara sah menurut undang-undang, yang sekarang ini kadang-kadang tidak ada insuran cover, tidak ada perlindungan dan sebagainya, banyak berlaku sekarang. Bagaimana kementerian hendak menangani masalah ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan diambil bersama-sama dengan pihak polis dan JPJ. Kementerian sedar bahawa fenomena kereta sewa haram ini berlaku di seluruh negara, dan untuk membanteras sepenuhnya mungkin agak sukar. Tetapi yang kita sedang lakukan ialah dari semasa ke semasa

pihak JPJ dan pihak polis menjalankan operasi bagi mengurangkan masalah kereta sewa ini. Yang menjadi masalahnya ialah kerana tambang yang ditawarkan oleh kereta sewa haram kadang-kadang lebih rendah daripada kadar yang dikenakan oleh kereta sewa dilesenkan. Selain itu, kita dapati juga bahawa standard perkhidmatannya adalah amat tidak memuaskan, kereta-kereta lama digunakan. Jadi, ini antara isu-isu yang dihadapi dalam menangani masalah kereta sewa haram. Dalam pada itu, masalah mungkin timbul berikutan pembekuan permit-permit baru yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak Jun yang lalu. Kerajaan bercadang bermula awal tahun depan, kita boleh membuka balik permohonan-permohonan bagi kereta sewa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kereta sewa ini merupakan jenis kenderaan yang digunakan untuk perkhidmatan di kampung-kampung ke bandar kecil. Teksi menggunakan meter, beroperasi di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar, manakala kereta-kereta sewa tidak menggunakan meter, tetapi menetapkan tambang yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan, apakah alasan konkrit untuk membekukan lesen sejak 24hb. Jun, 1995 yang lalu? Kita dapat tahu juga bahawa terdapat lesen-lesen yang diberi ataupun permit yang diberi untuk operasi bas, tetapi lesen saja dan bas tidak beroperasi. Apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji kelulusan permit ini ataupun menamatkan tempoh mereka yang ada permit tetapi tidak beroperasi dan memberikan kepada mereka yang mempunyai kenderaan seperti menyelesaikan kereta sapu yang dikatakan sebentar tadi?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Mengenai lesen-lesen yang diluluskan, kerajaan beri tempoh 2 tahun sebelum kenderaan-kenderaan dilesenkan. Bermakna bermula dari kelulusan, tempoh 2 tahun diberikan untuk membolehkan pemohon mengambil tindakan, dengan izin, to raise capital, mencair punca-punca kewangan untuk membeli kenderaan. Tetapi sekiranya selepas tempoh 2 tahun kenderaan tersebut belum lagi dilesenkan, maka kerajaan secara otomatis akan menarik balik lesen tersebut, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu.

Mengenai sebab kenapa dibekukan beberapa jenis lesen, saya ingin memaklumkan bahawa ini adalah sebahagian tindakan kerajaan untuk menyusun semula sistem kenderaan di negara kita. Kita dapati bahawa dalam sektor-sektor tertentu terdapat terlalu banyak kenderaan, teksi, bas ekspres dan sebagainya, terdapat juga selain daripada bilangan kenderaan yang banyak, bilangan syarikat yang beroperasi juga terlalu banyak, dan pembekuan yang kita laksanakan ini telah membolehkan kerajaan melihat sektor ini secara menyeluruh bagi menyusun semula dan menjadikannya lebih cekap lagi.

#### TENAGA LETRIK PUTUS - TINDAKAN MENCEGAH

4. **Tuan Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang telah diambil, sama ada oleh Jemaah Menteri, kementerian beliau sendiri, Jabatan Bekalan Elektrik ataupun Tenaga Nasional Bhd. Untuk memastikan pada masa depan tidak akan berlaku lagi insiden putus tenaga elektrik seluruh negara yang ketiga sejak tahun 1992- selain dari menggaji perunding-perunding asing untuk mengkaji mengenai insiden putus tenaga elektrik pada 3hb. Ogos dan mengemukakan cadangan-cadangan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang hampir sama dengan soalan mulut pada 6hb. November, 1996 oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin dan dukacita dengan insiden gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia pada 3hb. Ogos, 1996 yang menimbulkan beberapa kesulitan kepada para pengguna. Lebih-lebih lagi, ia juga menjejaskan hasil para pelabur.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah melantik sebuah firma juruperunding terkemuka untuk mengkaji dan membuat saranan ke atas sistem bekalan letrik di Semenanjung Malaysia. Juruperunding berkenaan telah pun mengemukakan laporan awal, (interim report) dengan izin, kepada kerajaan pada 20hb. September, 1996. Pada masa yang sama, Tenaga Nasional Bhd. telah mengambil langkah-langkah perlu dan segera bagi mengelakkan berulangnya kejadian tersebut. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh TNB adalah:

- (i) menambah tahap 'spinning reserve' kepada 500 mw. Mengikut amalan biasa 'spinning reserve' ditetapkan mengikut set penjana terbesar dan set penjana terbesar TNB adalah 300mw;
- (ii) meningkatkan lagi keupayaan untuk mengimbangi permintaan dengan pembekalan elektrik. Ini dilakukan melalui 'Sistem Pelucutan Beban Secara Automatik' ataupun 'Automatic Load Shedding Scheme'; dan
- (iii) mengkaji semula sistem perlindungan di semua stesen janakuasa TNB dan penjana bebas.

Selain daripada langkah-langkah tersebut TNB juga mengambil langkah-langkah untuk memperkuatkan lagi tahap keutuhan sistem seperti:

- (i) menyiasat dan menyenggara semua alat suis yang sama jenis dengan alat suis yang rosak di Paka, Terengganu pada 3hb. Ogos, 1996; dan
- (ii) memasang dan mengendali alat-alat perakam kerosakan di lokasi-lokasi strategik di dalam sistem.

Langkah-langkah jangka panjang yang perlu diambil akan ditetapkan setelah mengambil kira penemuan-penemuan kajian juru perunding. Namun begitu, dengan melaksanakan langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi, kemungkinan berlakunya insiden yang sama dapat diminimumkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dua hari dahulu, nampaknya kementerian Yang Berhormat sudah menjadi lebih lemah daripada pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu Tenaga Nasional membayar ganti rugi oleh kerana black-out yang berlaku pada 3hb. Ogos. Bukankah cara yang terbaik sekali untuk menentukan bahawa tidak akan berlaku black-out seperti yang berlaku pada 3hb. Ogos dan berlaku dalam bulan September, 1992 yang merosakkan nama baik Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan dan supaya mewajibkan Tenaga Nasional untuk membayar ganti rugi. Kenapa kerajaan lebih lemah dalam pendirian ini dan adakah satu kajian dibuat mengenai amaun kerugian yang ditanggungkan oleh negara akibat daripada black-out itu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang dialami oleh kerana black-out ini belum dapat ditetapkan. Berkenaan ganti-rugi ataupun pampasan, pihak TNB akan mematuhi undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, sama ada pihak TNB akan memberikan rebet kepada para pengguna secara *ex-gratia*, dan ini berlainan dengan pembayaran ganti rugi ataupun pampasan, pihak kabinet akan membuat satu keputusan sebaik sahaja ia menerima laporan dari pihak TNB melalui

kementerian saya dan dalam perkara ini pihak TNB akan mematuhi segala keputusan yang akan dibuat oleh pihak jemaah menteri.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengambil tindakan yang positif termasuk melantik juru perunding daripada luar negara untuk menyelidik dan mengambil langkah yang positif pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi tindakan ataupun langkah-langkah positif yang diambil tidak akan mendatangkan kesan kalau pelaksanaan atau pembinaan benda yang diguna "parts supply" adalah benda-benda yang kurang standard ataupun sub-standard digunakan - mungkin perkara ini akan berlaku sekali lagi.

Jadi, soalan saya, adakah benar desas-desus yang mengatakan banyak 'parts' ataupun perkakas-perkakas yang diguna dalam pelaksanaan projek-projek TNB menggunakan parts yang bukan "up-high standard" tetapi 'sub-standard'. Begitu juga dengan alat gantian yang juga sub-standard. Kalau benar, apakah tindakan yang telah ataupun akan diambil?

**Dato' Chong Kong Choy:** Perkara ini masih dalam kajian oleh pihak juru perunding dan pihak TNB memang memberikan perhatian yang cukup serius kepada perkara ini, iaitu alat ganti dan alat-alat berkenaan mesti "high-standard".

#### AMANAH SAHAM WAWASAN -KAWALAN

5. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal dan memastikan golongan-golongan yang berada dan kaya membeli saham dari Amanah Saham Wawasan tidak secara maksimum dengan menggunakan nama proxy mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan investment maksimum dari RM50,000 kepada RM10,000 supaya golongan-golongan yang benar-benar miskin, sederhana dan tidak berada mendapat faedah dari skim yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 14hb. Oktober 1996, iaitu hari ini juga, Bukit Bendera pada 17hb Oktober, Labuan pada 15hb. Oktober, Seremban pada 24hb. Oktober dan Petaling Jaya Selatan pada 10hb. Disember 1996, saya ingin memohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) adalah skim saham amanah pertama ditawarkan kepada generasi muda dan belia pelbagai kaum di Malaysia yang berumur di antara 12 hingga 29 tahun. Semenjak ASW 2020 dibuka urus niaga pada 2 September, 1996 yang lalu, sambutan mengenainya amatlah menggalakkan, di mana RM1,349.69 juta telah dikumpul sehingga 7 Oktober, 1996 daripada 271,231 pelabur bumiputera dengan pelaburan sebanyak RM225.18 juta manakala bukan bumiputera seramai 458,796 orang dengan pelaburan sebanyak RM1,124.51 juta. Jumlah jualan tertinggi adalah di Selangor iaitu sebanyak RM274.57 juta, Wilayah Persekutuan sebanyak RM194.89 juta, Sabah RM149.82 juta dan Johor RM117.82 juta.

Pelaburan yang kecil di kalangan bumiputera adalah kerana pelabur bumiputera mempunyai banyak pilihan untuk melabur dalam saham amanah seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan saham-saham amanah yang diuruskan oleh kerajaan negeri. Bagaimanapun, Permodalan Nasional Berhad (PNB) sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur, khususnya kaum bumiputera melabur dalam ASW 2020 dengan menggunakan pendekatan, penerangan, pendidikan tentang ASW 2020 di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, sektor

perkilangan dan pertubuhan-pertubuhan belia serta bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan untuk menarik seramai mungkin generasi muda dan belia menyertai skim ASW 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan peluang yang sama rata, ASW 2020 telah menyediakan kemudahan masa tawaran khas selama 1 bulan sehingga 30 September 1996 untuk pemohon membeli ASW 2020 hingga ke tahap maksimum bertujuan agar semua individu bumiputera dan bukan bumiputera yang memohon dalam tempoh masa itu didaftarkan sebagai pemegang unit-unit ASW 2020. Mulai 1 Oktober, 1996 permohonan pembelian unit-unit ASW 2020 adalah berdasarkan kepada yang dahulu di dahulukan, kerana skim ASW 2020 merupakan satu skim dana tertutup. Persoalan sama ada golongan miskin dan sederhana tidak mendapat faedah daripada skim ini sepatutnya tidak timbul kerana pelbagai cara dan kempen telah dilakukan untuk memastikan seramai mungkin mereka yang layak melabur dalam Skim ASW 2020.

Had minimum pelaburan adalah 100 unit manakala maksimum 50,000 unit dan lingkungan 100 unit hingga 50,000 unit adalah sesuai untuk semua golongan termasuk golongan miskin dan sederhana. Dengan itu kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan had maksimum atau menaikkan had minimum. Kerajaan juga tidak bercadang untuk membuat agihan saham mengikut negeri, pendapatan dan umur.

Kadar pulangan yang dijangka diperolehi daripada pelaburan dalam ASW 2020 adalah bergantung kepada prestasi portfolio dana ASW 2020 iaitu pulangan daripada instrumen-instrumen pelaburan yang dibenarkan. Mengenai pelaburan dalam bursa saham tempatan dan luar negara, ASW 2020 boleh membuat pelaburan sekurang-kurangnya 80% daripada nilai harta bersih dana di bursa saham tempatan dan pelaburan sehingga 10% daripada nilai itu di bursa saham luar negara.

Kerajaan berpuas hati dengan sambutan generasi muda dan belia Malaysia pelbagai kaum terhadap unit-unit ASW 2020. Jumlah pelaburan sebanyak RM1.349 ribu juta sehingga 7 Oktober 1996 adalah sesuatu yang dibanggakan kerana bukan mudah untuk menjual unit-unit ASW 2020 sebanyak ini dan menarik seramai lebih 700,000 orang pelabur dalam tempoh 38 hari sahaja. Ternyata PNB berjaya mendapat kepercayaan daripada masyarakat pelbagai kaum menyertai skim ASW 2020.

Usaha kerajaan menjadikan skim ASW 2020 sebagai satu skim bertujuan meningkatkan integrasi nasional dan teras kepada Wawasan 2020 ternyata menghasilkan pencapaian yang begitu baik.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya pindah tempat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kerana kejayaan ASW 2020. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kaum bukan bumiputera telah banyak melanggan dan ini adalah peluang untuk mereka melabur. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya, berapa ramai kaum Tionghua, kaum India dan mungkin kaum Siam yang juga telah melabur di dalam ASW dan di samping itu adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan had umur daripada 29 tahun hingga ke 65 tahun supaya rakyat keseluruhannya dapat melabur dan menikmati pelaburan ASW 2020 ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya sebutkan tadi, di antara bumiputera dan bukan bumiputera adalah setakat 7hb. Oktober, 1996. Setakat ini kita tidak dapat bilang secara terperinci bilangan kaum Cina, kaum India sehingga 7hb. Oktober, tetapi saya mempunyai angka setakat 30hb. September, iaitu kaum Cina sebanyak 299,556 pelabur dengan bernilai RM930.5 juta; kaum India seramai 132,787 pelabur dengan pelaburan bernilai sebanyak RM137.2 juta dan lain-

lain kaum termasuk kaum Siam dan lain-lain minoriti ialah seramai 4,005 orang dengan nilai pelaburan RM8.5 juta sahaja.

Mengenai soalan yang kedua, kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan had umur sehingga 65 tahun kerana pelaburan ini adalah dikhususkan untuk kaum belia ke bawah sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan bahawa ASW 2020 ini adalah dirancang untuk memberikan jaminan kepada kaum belia pada masa depan, bolehkah kerajaan memastikan bahawa pulangnya pun terjamin dalam bentuk pelaburan sepertimana yang dilaksanakan ke atas ASN dan dalam segi ini juga bolehkah pinjaman diberikan kepada mereka yang tidak mampu untuk membeli unit-unit di dalam ASW supaya kita boleh mengatasi masalah kaum miskin atau kaum golongan tidak berada yang tidak mampu membeli unit-unit dalam ASW?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah skim pelaburan yang membawa risiko-risiko. Jadi, untuk meminta kerajaan menjaminkan pulangan yang terus-menerus tinggi adalah tidak begitu realistik. Tetapi kalau kita lihat prestasi PNB dan Amanah Saham Nasional yang menguruskan ASW 2020 ini sekurang-kurangnya harga par iaitu harga RM1 itu dapat dipertahankan dan kita harap dengan unjuran ekonomi kita yang akan meningkat, satu prestasi yang boleh dibandingkan dengan prestasi ASN dan ASB dapat dipertahankan, insya-Allah. Untuk saya memberi jaminan di sini adalah terlalu berat dan tidak kena pada tempatnya.

Mengenai dengan pinjaman, ini akan dikaji dan akan dipertimbangkan supaya segala kemudahan yang di dapati di dalam ASN dan ASB dapat sama dinikmati dan terletaklah kepada kajian yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

#### **PROGRAM DAN PROJEK BAGI LEPASAN SPM - BIMBINGAN KE ARAH KERJAYA**

6. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan bahawa kementerian beliau akan mengadakan program dan projek untuk belia dan beliawanis di seluruh negara sebaik-baik sahaja mereka selesai menjalani peperiksaan akhir Sijil Pelajaran Malaysia tahun ini dan untuk tujuan ini, apakah program dan projek yang akan dijalankan supaya mereka ini dapat dibimbing ke arah kerjaya untuk masa hadapan mereka.

**Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan satu soalan yang hampir sama yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ledang yang dijadualkan pada 15hb. Oktober, 1996, esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah pun dimaklumkan melalui media massa, pihak Kementerian Belia dan Sukan sedang pun mendapatkan pandangan balas daripada segenap peringkat masyarakat tentang kemungkinan pelaksanaan program khidmat sosial negara ini diadakan di samping program-program kementerian yang sedia ada dalam usaha untuk memperkasa pembangunan belia.

Program-program kementerian yang sedia ada akan diteruskan sebagaimana yang dirancang dan ini terbuka kepada semua para belia dan beliawanis termasuklah kalangan yang baru sahaja selesai menjalani peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang serba sedikit akan dapat membantu membimbing mereka ke arah masa depan mereka yang lebih cemerlang.

Bagi mengkaji kemungkinan pelaksanaan program khidmat sosial negara ini, Kementerian saya telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa induk program yang saya pengurusikan sendiri dan satu pasukan petugas telah pun dibentuk bagi menghalusi beberapa cadangan dan pandangan daripada semua peringkat masyarakat yang telah dan akan disampaikan kepada pihak Kementerian.

Pasukan petugas ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Awang Had Salleh dan peranan untuk mengemukakan kertas kerja konsep yang konkrit berdasarkan kajian, maklum balas serta perbandingan dengan negara-negara yang lain jika ada untuk diketengahkan ke peringkat Kementerian selepas ianya diselesaikan.

Pasukan petugas ini diberikan tempoh tiga bulan untuk menyiapkan kertas kerja konsep yang menyeluruh. Pihak Kementerian tidaklah bergopoh dalam soal ini kerana ini adalah merupakan satu agenda yang baru.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Kementerian Yang Berhormat ada banyak program dan projek untuk belia dan beliawanis, tetapi matlamat untuk mengadakan satu generasi baharu yang bermaklumat, yang bersopan santun, berkebudayaan sudah gagal - yang ada diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, sudah gagal dan akibat daripada pengakuan ini adakah Kementerian Yang Berhormat Menteri akan mengadakan satu kajian menyeluruh dalam perkara ini supaya satu dasar, strategi baharu boleh diadakan?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir dalam perhimpunan, jadi, dia tidak berapa faham sangat apa yang telah pun disebutkan [*Tepuk*] kerana kita telah pun mengadakan banyak program dan program-program telah pun dijalankan sebenarnya berkesan, cumanya apa yang telah disentuhkan di perhimpunan agung ialah tentang usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan di antara program yang telah disebutkan ialah Program Rakan Muda.

Jadi, justeru itu, rasa saya tidak perlu lagi kita hendak membuat satu kajian menyeluruh kerana program ini sudah pun berjalan dan saya kira tidak dapat dinafikan bahawa sekelompok besar daripada kalangan remaja kita masih lagi berada dalam kedudukan yang baik, tidaklah semuanya terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang negatif, masalah bohsia, masalah bohjan ataupun lepak ini hanya melibatkan satu kelompok generasi muda yang agaknya masih kecil.

Tetapi usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan ialah untuk membendung supaya elemen-elemen ini tidak menular. Jadi, kita perlulah mengambil satu langkah yang lebih menyeluruh dan lebih berkesan untuk memastikan hal-hal seperti itu tidak berlaku di kalangan anak-anak muda kita.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri semasa menjalankan program dan projek untuk belia, adakah beliau bercadang juga untuk memberikan tanggungjawab kepimpinan kepada belia dan beliawanis dan dalam aspek ini adakah beliau bercadang untuk memastikan semua pertubuhan atau persatuan belia dipimpin oleh mereka yang betul-betul belia bukan yang tua-tua belaka. Kerana tanpa pertubuhan belia yang dipimpin oleh golongan belia, saya rasa tidak bermakna dan kita tidak boleh memupuk kepimpinan yang akan datang untuk negara kita.

Dalam aspek ini selain daripada dipimpin oleh belia, adakah had umur golongan belia akan dikurangkan daripada umur 40 tahun sekarang kepada satu had yang lebih muda, mungkin 30 tahun kerana adalah tidak bermakna orang yang sudah berumur 40 tahun dianggap masih muda lagi. Saya ingat sudah boleh dikira sebagai middle age, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.



**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada program kepimpinan yang telahpun kita laksanakan, cuma mungkin tidak secara menyeluruh dan satu program baru iaitu Program Pimpinan Perdana telah pun mula kita gerakan di mana belia, pemimpin belia dan juga masyarakat yang terlibat dalam pergerakan belia diberikan kursus dan latihan-latihan yang intensif berkenaan dengan kepimpinan dan bagaimana hendak mengorganisasikan persatuan pertubuhan dan menggerakkan generasi muda untuk lebih berketerampilan pada masa-masa yang akan datang.

Tentunya dalam soal ini, peranan persatuan-persatuan belia memanglah penting, tetapi setakat ini kita tidak ada cadangan pertamanya untuk memastikan supaya soal had umur itu dipinda. Kalau pun ada perbincangan di kalangan pemimpin persatuan belia tentang sama ada wajar mereka yang sudah pun melewati umur 40 tahun terus memimpin persatuan-persatuan belia. Sehingga hari ini, mereka sendiri tidak mempunyai kata sepakat dan pihak kerajaan setakat ini tidak mahu untuk memastikan ataupun menetapkan had umur yang tertentu.

Mengikut Dasar Belia Negara dan ini telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan, had umur belia yang ditakrifkan di bawah dasar ini ialah 40 tahun ke bawah dan sehingga ianya dipinda, kita masih mengekalkan had umur itu kerana kita percaya walaupun had umur itu 40 tahun tetapi tidak bermakna dalam pergerakan-pergerakan belia pemimpin-pemimpin yang sudah dewasa tidak boleh diberikan peranan dan tanggungjawab.

Kita dapati bahawa setengah-setengah daripada persatuan belia baik di peringkat kebangsaan, negeri ataupun daerah dipimpin oleh mereka yang sudah melewati umur 40 tahun, tetapi masih berkesan. Ada juga persatuan yang dipimpin oleh orang yang masih muda tidak berkesan. Jadi, tidaklah semestinya mereka itu dihadkan 40 tahun boleh dan mampu serta berupaya untuk melaksanakan tugas dan sebab itu setakat ini kita tidak lagi hendak berkata kita hendak menghadkan umur. Ini masih terbuka dan kita serahkan kepada pemimpin belia untuk memikirkan sama ada perlu atau pun tidak had umur itu ditetapkan.

#### ANCAMAN KESIHATAN OLEH PENDATANG ASING

7. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada kehadiran pekerja-pekerja asing dalam negara ini telah mengancam sistem kesihatan kita terutamanya dalam jenis penyakit yang mudah berjangkit; dan
- (b) apakah jenis penyakit-penyakit yang telah dikesan amnya oleh Menteri Kesihatan di antara pekerja-pekerja asing terutama sekali penyakit yang mudah berjangkit yang belum diketahui wujud di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Impak kesihatan yang disebabkan oleh kehadiran pekerja-pekerja asing di negara ini adalah:-
  - (i) peningkatan kes penyakit-penyakit di kalangan pekerja asing;
  - (ii) peningkatan penggunaan kemudahan-kemudahan kesihatan; dan
- (b) Penyakit-penyakit yang telah dikesan di kalangan pekerja-pekerja asing adalah seperti berikut:-

- malaria;
- tibi;
- kusta;
- filariasis; dan
- HIV Aids.

Baru-baru ini 3 kes Kala Azar telah pun dilaporkan di negara ini. Kala Azar adalah satu jenis penyakit berjangkit yang tidak pernah dilaporkan di negara ini. Penyakit ini merupakan satu penyakit yang biasa didapati di negara Bangladesh, India, Pakistan, Afrika dan Amerika Selatan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar bahawa wad bersalin di Hospital Besar Kuala Lumpur dan di setengah-setengah hospital penuh dengan pendatang asing dari Indonesia dan adakah mereka ini dikenakan bayaran?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sama ada benar atau tidak wad bersalin di Hospital Kuala Lumpur penuh dengan pendatang asing, ini tidak benar.

Kedua, mereka perlu membayar apabila mendapat mana-mana kemudahan wad yang kena dibayar sebagaimana caj first class atau kelas pertama.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, memandangkan bahawa beberapa jenis penyakit telah pun dikenal pasti puncanya ialah daripada pendatang asing. Adakah pihak kementerian dan kerajaan keseluruhannya bercadang untuk mengadakan screening process, dengan izin, kepada pekerja-pekerja asing apabila mereka memohon pas kerja untuk bekerja di negara ini supaya tidak mengancam keadaan kesihatan dan keselamatan negara?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, langkah-langkah mengurangkan gejala penyakit yang melibatkan pendatang asing adalah seperti berikut:-

- (i) bahawa semua pekerja asing dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan di negara asal mereka, di klinik atau pusat kesihatan yang telah dilantik atau diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum mereka datang bekerja di negara ini;
- (ii) semua pekerja asing dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan tahunan setiap tahun semasa di Malaysia. Ini dilakukan semasa pembaharuan pas lawatan kerja.

Berkenaan dengan screening atau uji saring, buat masa ini, Kementerian Kesihatan telah pun mendapat kelulusan bagi menswastakan proses pengawasan pemeriksaan pekerja asing yang telah diluluskan oleh Kabinet dan perkara ini sedang dalam pelaksanaan kerana melibatkan banyak langkah yang agak rumit dan dalam proses akan dilaksanakan.

#### **LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KUALA TERENGGANU - PENETAPAN JAJARAN**

**8. Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pihak kementerian telah pun membuat kata putus laluan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Terengganu dan apakah cadangan Kerajaan Negeri supaya pembinaan jalan tersebut dibuat mengikut kesesuaian pembangunan pekan-pekan dan bandar-bandar utama yang merentangi lebuhraya

tersebut. Apakah kos sebenar lebuhraya tersebut dan berapakah saiz serta jumlah lorong yang akan dibina.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memutuskan supaya jajaran Lebuhraya Pantai Timur dibuat berhampiran kawasan pembangunan serta bandar-bandar utama yang merentangi lebuhraya tersebut. Penetapan jajaran telah dibuat setelah perbincangan diadakan dengan Kerajaan Negeri Pahang dan Terengganu.

Lebuhraya Pantai Timur akan melibatkan pembinaan dua lorong dua hala mengikut piawai Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kos projek ini belum lagi dimuktamadkan memandangkan reka bentuk terperinci lebuhraya ini belum lagi dapat diselesaikan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerana banyak sangat lebuhraya hari ini mengalami tanah runtuh. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji sedalam-dalamnya supaya peristiwa tanah runtuh ini tidak akan berlaku apabila kita membina lebuhraya yang baru dan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan lorong untuk motosikal supaya mereka ini tidak mengganggu perjalanan kereta, lori atau pun bas?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya semenjak beberapa peristiwa yang berlaku mengenai dengan tanah runtuh, kerajaan telah pun mengarahkan pihak konsesi yang berkenaan supaya membuat kajian selain daripada kerajaan sendiri.

Berkenaan dengan lorong motosikal, perancangan yang akan datang semuanya akan memuatkan keperluan untuk laluan motosikal di semua lebuhraya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar oleh kerana bilangan trafik untuk Lebuhraya Pantai Timur adalah tidak mencukupi bahawa projek tersebut sebenarnya tidak berdaya maju dan memandangkan bahawa permulaan projek tersebut telah ditunda beberapa kali, adakah Kementerian Kerja Raya bercadang menukar syarikat konsesi?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perundingan masih diteruskan dengan syarikat-syarikat yang telah berminat iaitu MMC, MTD dan juga UEM.

Soal projek ini berdaya maju atau tidak berdaya maju, ini terserah kepada pihak konsesi sendiri kerana sebarang penglibatan dalam projek ini adalah risiko yang diambil oleh pihak syarikat konsesi. Jadi maknanya kalau mereka sanggup dan berani venture dalam projek ini, jadi ini terserah kepada mereka.

Setakat ini perundingan masih dijalankan lagi dengan syarikat MMC yang mewakili ketiga-tiga syarikat konsortium yang berminat di dalam projek ini dan setakat ini belum ada sebarang keputusan yang dicapai. Kita tunggulah sedikit masa lagi, barangkali akan ada keputusan.

#### **PENDATANG HARAM DI SABAH - USAHA MEMBANTERAS KEHADIRAN**

9. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pendatang haram di Sabah yang telah ditangkap dan dihantar balik ke negara-negara asal mereka bagi tempoh Januari ke September 1996. Apakah usaha baru kerajaan untuk membanteras kehadiran pendatang haram di negeri tersebut yang masih berterusan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendatang haram di Sabah yang ditangkap bagi tempoh Januari ke Ogos 1996 adalah seramai 12,692 orang. Manakala jumlah yang diusir bagi tempoh yang sama ialah 16,333. Jumlah ini termasuk mereka yang balik secara sukarela iaitu berjumlah 994 orang.

Pihak kerajaan sedang merangka pendekatan baru dalam menghadapi masalah ini dan usaha ini akan dibincang dalam sidang Majlis Keselamatan Negara iaitu MKN nanti. Sementara itu, tindakan yang sama akan berterusan sehingga sidang MKN menetapkan pendekatan baru itu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di peringkat negeri Sabah banyak tindakan yang dibuat oleh pihak keselamatan iaitu polis untuk menangkap orang-orang asing dan dibawa ke balai-balai dan lokap. Masalahnya ialah apabila dilokap satu dua hari, mereka ini dibebaskan juga dan ini terdapat di kawasan kilang-kilang papan di Kota Marudu dan Pitas. Saya ingin bertanya kenapa ini terjadi di mana mereka yang telah dipastikan adalah orang asing tanpa mempunyai pas yang tertentu dibebaskan juga dan apakah tindakan kerajaan supaya perkara ini tidak berterusan?

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bukan sahaja dilakukan pada masa sekarang, tetapi sebenarnya operasi-operasi yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan itu diteruskan selama beberapa tahun dahulu, cuma sekarang kegiatan-kegiatan yang dilakukan itu diutarakan di dalam surat khabar. Tetapi kebanyakan orang yang ditangkap baru-baru ini yang dilepaskan itu adalah kerana mereka dapat dibuktikan mempunyai pas yang sah.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pendatang-pendatang tanpa izin yang telah dihantar balik ke negara asal mereka ini balik semula ke negeri Sabah dengan waktu yang singkat dan ada pula sindiket-sindiket yang melepaskan mereka daripada bot-bot sewaktu mereka dihantar pulang dengan kadar harga sebanyak RM100 hingga RM200 seorang yang mungkin berlaku di Sandakan, Tawau, Kudat dan tempat-tempat yang lain di negeri Sabah?

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan perkara itu berlaku tetapi memandangkan sempadan perairan yang begitu panjang iaitu 1,500 kilometer itu bukan senang diatasi, oleh kerana itu sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan akan ada sebuah Majlis Keselamatan Negara yang kita harap masalah-masalah yang dihadapi boleh diatasi sekali gus.

#### **LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR - OBJEKTIF DAN FUNGSI**

10. **Dato' Yap Pian Hon [SERDANG]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah objektif, fungsi dan skop penglibatan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah cadangan untuk menubuhkan Majlis Bandaraya untuk menggantikan Lembaga ini, jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, objektif dan fungsi Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur seperti yang diperuntukkan dalam Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 ialah untuk menasihatkan Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran bandaraya sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan perintah, dan mengenai apa-apa soal yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar.

Lembaga Penasihat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun dan di antara perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat tersebut ialah:

- (i) belanjawan-belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- (ii) taklimat-taklimat mengenai projek-projek pembangunan;
- (iii) undang-undang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
- (iv) isu-isu semasa di Kuala Lumpur.

Ahli-ahli Lembaga Penasihat juga diberi tanggungjawab untuk mempengerusi atau menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di antara jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan atau dianggotai oleh Ahli-ahli Lembaga Penasihat adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Pengindahan dan Rekreasi;
- (ii) Jawatankuasa Penasihat Lalulintas;
- (iii) Jawatankuasa Penasihat Belanjawan dan Kewangan;
- (iv) Jawatankuasa Audit;
- (v) Jawatankuasa Alam Sekitar;
- (vi) Jawatankuasa Penasihat Pengurusan Penjaja;
- (vii) Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Cukai Pintu; dan
- (viii) Jawatankuasa Anti Vandalism.

Setakat ini tidak ada cadangan untuk menubuhkan Majlis Bandaraya bagi menggantikan Lembaga Penasihat. Ini adalah kerana Lembaga Penasihat yang wujud sejak berkuatkuasanya Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 didapati sesuai dan berkesan di dalam membantu urusan berkaitan dengan pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 33 akan dijilid dalam buku berasingan]*

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Pemuluan Akhbar Sarawak Borneo Post,  
See Hua Daily News, Sin Hua Evening News**

**3.35 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 18 untuk mengusul berikut:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Kawasan Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan mengenai tindakan Kerajaan Negeri Sarawak memulaukan tiga surat khabar Sarawak iaitu *Borneo Post*, *See Hua Daily News*, *Sin Hua Evening News* selama tiga minggu ini atas sebab-sebab yang berikut:

Pertama sekali, selepas Pilihanraya Umum Negeri Sarawak pada 8hb. September, 1996 salah satu ahli komponen Parti Barisan Nasional Sarawak, SUPP (Sarawak United People's Party) telah melancarkan kempen pemuluan tiga surat khabar Sarawak yang dimiliki oleh Kumpulan See Hua iaitu *Borneo Post*, *See Hua Daily News* dan *Sin Hua Evening News* menyalahkan mereka terhadap kegagalan SUPP dalam pilihan raya negeri Sarawak kali ini terutama sekali mengenai kekalahan Presiden SUPP merangkap Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Dr. Wong Soon Kai dengan mendakwa bahawa ketiga-tiga surat khabar ini membawa liputan yang tidak adil, berat sebelah dan tercondong semasa Pilihanraya Umum Negeri Sarawak.

Tindakan ini merupakan tindakan membalas dendam yang tidak adil dan tidak demokratik oleh pucuk pimpinan SUPP yang ingin mencari 'scapegoat' untuk bertanggungjawab terhadap kekalahan SUPP dalam Pilihanraya Umum Negeri Sarawak kali ini, terutama sekali terhadap kekalahan Presiden SUPP sendiri kerana pucuk pimpinan SUPP tidak dapat menafikan bahawa di Sibul, *See Hua Daily News* telah mengagihkan 80% daripada liputannya ke atas berita SUPP, manakala DAP hanya mendapat liputan sebanyak 20% dari berita-berita yang disiarkannya. Dan sekiranya sesiapa ingin mengadu mengenai liputan yang tidak adil oleh *See Hua Daily News* di dalam kempen pilihan raya ini, DAPlah yang sepatutnya mengadu dan bukannya SUPP.

Tambahan lagi, salah satu berita yang dipetik oleh SUPP untuk menjustifikasikan tindakan pemuluan adalah sebenarnya satu laporan dari Bernama dan SUPP tidak pula mendakwa bahawa Bernama tidak adil atau berat sebelah dalam laporan semasa Pilihanraya Umum Negeri Sarawak.

Kedua, tindakan pemuluan tiga surat khabar SUPP ini telah mendapat sokongan segera Kerajaan Negeri Sarawak di mana Timbalan Setiusaha Negeri Datuk Taha Ariffin telah mengeluarkan arahan pada 21hb. September 1996 kepada semua jabatan negeri, badan-badan berkanun dan subsidiari supaya menyokong tindakan pemuluan surat khabar SUPP ini dengan:

- (i) membatalkan segala langganan ketiga-tiga surat khabar berkenaan;
- (ii) hentikan semua iklan di ketiga-tiga surat khabar berkenaan; dan
- (iii) melarang pemberita-pemberita ketiga-tiga surat khabar ini menghadiri majlis-majlis kerajaan ataupun yang berkaitan dengan kerajaan.

Kerajaan Negeri Sarawak yang mewakili semua rakyat Sarawak tidak berhak melibatkan diri dalam satu kempen politik 'membalas dendam' yang tidak adil, tidak demokratik oleh sebuah parti politik yang ingin mencari 'scapegoat' ke atas kekalahan pilihan rayanya. Sebagai contoh Ketua Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah mendakwa surat-surat khabar 'See Hua' berlagak seperti risalah-risalah politik dalam laporan pilihan raya mereka dan tuduhan ini langsung tidak berasas dan tidak benar serta tidak akan dapat menghadapi penelitian bebas.

Ketiga, dan paling penting sekali adalah tindakan pemuluan Kerajaan Negeri Sarawak terhadap 'Borneo-Post See Hua Daily News' dan 'Sin Hua Evening News' yang juga menunjukkan bahawa ia menyokong kempen membalas dendam sebuah parti yang tidak adil, tidak demokratik dan tidak sesuai ini bererti tindakan kerajaan negeri perlu diberikan perhatian oleh Parlimen memandangkan perkara ini telah menjangkau isu negeri atas tiga sebab berikut:

- (i) tindakan ini telah mengancam secara seriusnya 'insipien' kebebasan berakbar di Sarawak dan Malaysia;

- (ii) ia telah mencemarkan reputasi Malaysia di arena antarabangsa sebagai sebuah negara yang demokratik; dan
- (iii) ia memberikan nama buruk kepada demokrasi nilai-nilai Asean yang disokong oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di forum antarabangsa sebagai model demokrasi yang lebih sesuai dan tinggi nilainya berbanding dengan bentuk demokrasi dunia barat.

Atas sebab-sebab tersebut di atas Parlimen harus mengambil perhatian serius ancaman terhadap kebebasan akbar di Malaysia yang merunsingkan ini kerana sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lantang mengkritik kelemahan dan salah guna kuasa dalam dunia akhbar Barat, tetapi ia tidak dapat menjustifikasikan budaya salah guna kuasa akhbar yang baru dan lebih serius di mana surat-suratkhabar yang membahagikan 80% kandungan kepada berita SUPP dan 20% kepada berita DAP dalam pilihan raya umum Sarawak ini boleh dijadikan mangsa dan menghadapi tindakan membalas dendam sebegini. Apa yang perlu dan mesti dilakukan oleh Parlimen dalam melaksanakan tugasnya untuk melindungi dan memupuk demokrasi serta kebebasan berakhbar adalah seperti berikut:

Menghendaki satu siasatan awam menyeluruh ke atas tindakan pemuluan 'Borneo-Post, See Hua Daily News' dan 'Sin Hua Evening News' oleh Kerajaan Negeri Sarawak ini untuk memastikan sama ada wujud sebarang asas dalam dakwaan bahawa surat-surat khabar ini telah berlagak seperti risalah-risalah politik dan telah melakukan laporan berat sebelah dan tidak adil terhadap SUPP di samping membantu DAP dalam pilihan raya umum negeri Sarawak, sama ada wujud lain-lain surat khabar di Sarawak yang lebih sesuai dimuatkan dalam huraian dakwaan laporan berat sebelah dan tidak adil dalam pilihan raya negeri Sarawak ini, dan sama ada tindakan Kerajaan Negeri Sarawak merupakan satu ancaman terhadap kebebasan berakhbar dan harus diberhentikan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 12hb. Oktober, 1996 jam 11.15 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama, ialah bahawa perkara itu tertentu.

Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Syarat yang ketiga, ia berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa Usul itu adalah perkara tertentu; ia adalah kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan, *[Tepuk]* kerana ini bukan perkara yang mustahak untuk disegerakan istimewanya dalam masa sesi Belanjawan pada kali ini, perkara ini boleh dibahaskan pada bila-bila masa pun di dalam sesi ini. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. *[Tepuk]*

#### USUL

#### UCAPAN TAKZIAH KEPADA PUAN SRI LIEW FOONG YING DAN KELUARGA ATAS KEMATIAN TAN SRI DR. TAN CHEE KHOON

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan, iaitu kita telah kehilangan seorang bekas ahli Dewan yang telah meninggal dunia iaitu mendiang Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon pada 13hb. Oktober 1996 ayah kepada Yang Berhormat Ahli dari Segambut.

Saya bagi pihak Parlimen mengucapkan takziah kepada balu mendiang Puan Sri Liew Foong Ying dan Ahli Yang Berhormat dari Segambut serta keluarga mendiang.

Bagi mengingati mendiang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama satu minit.

*[Majlis bertafakur selama satu minit]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Penerangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat hari ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) PINDAAN 1996**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 atau (The Members of Parliament (Remuneration Act) 1980.

**Setiausaha:** Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1996.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana bil itu tidak ada dalam Peraturan mesyuarat, adakah wajar dan betul bil ini boleh dikemukakan pada masa sekarang, oleh kerana yang dicatat tidak ada apa-apa bil lagi? Dan kita bawa....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan telah pun diedarkan pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada. Kita baru ada Rang Undang-undang Penyiaran - yang ini sahaja. Oleh kerana kita patut mengikut Peraturan Mesyuarat, esok boleh kemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sudahkah? Dihantarkan pindaan? *[Kepada Setiausaha Bagi Parlimen].*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada. Oh! sekarang mana boleh.

**Seorang Ahli:** Restropective.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Baru sekarang, mana boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh yang demikian, saya tak benarkan, Yang Berhormat. Minta dikemukakan besok.



**USUL URUSAN  
MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN MESYUARAT 48,  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 90 SEPANJANG  
TEMPOH PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG  
PENYIARAN (PINDAAN) 1996.**

3.50 ptg.

**Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua menerangkan bilakah bacaan yang pertama diumumkan, akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kerana saya tidak dengar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap tadi telah dibentangkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** you can't do that!

**Seorang Ahli:** Duduklah, apa ni?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Ini sengaja hendak cari salah, tak ada kerja lain.

**Tuan Yang di-Pertua,** saya mohon mencadangkan bahawa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya izinkan.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Nanti sekejap, saya hendak tengok Peraturan Mesyuarat 90.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun, Peraturan Mesyuarat 90(2) ada disebut "bahawa dengan izin", "akan dengan izin Tuan Yang di-Pertua", tetapi tentulah kita boleh tahu atas apa sebab Peraturan Mesyuarat ini akan digantungkan. Tentu ada sebab, kalau tidak kerana bencana akan timpa di negara, mungkin huru-hara atau apa-apa. Oleh kerana rakyat kita mahu tahu apa sebab. Tentu sebab yang segera.

**Seorang Ahli:** Accountability.

**Tuan Lim Kit Siang:** Accountability apa itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa perkara ini tidak dikehendaki apa-apa penerangan, tidak dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1). Hanya telah pun mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, maka bolehlah Yang Berhormat yang berkenaan membawa usul ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul untuk dipersetujui, iaitu....

**USUL PINDAAN KE ATAS USUL MERENTIKAN KUATKUASA  
PERATURAN MESYUARAT 48 OLEH  
Y.B.TUAN LIM KIT SIANG**

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat. Saya mahu kemukakan satu pindaan kepada Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Peraturan Mesyuarat 90(1) dan 90(2).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Saya mahu satu pindaan kepada Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak di'suspend, hendak digantungkan. Peraturan Mesyuarat 90(1)

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, tetapi saya mahu, ini satu Usul dan Usul boleh dipindahkan. Hasrat saya ialah untuk kemukakan satu pindaan kepada Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya faham bahawa dalam Peraturan Mesyuarat, apa-apa pindaan kepada Usul adalah perlu mengikut syarat yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 30, perenggan 3 yang berbunyi: "Pindaan ini tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh Peraturan Mesyuarat Majlis hanya boleh dikeluarkan dengan sendiri iaitu Peraturan Mesyuarat 30(1). Dan cadangan saya di sini ialah dengan satu kopi, saya mahu cadang bahawa Usul ini dipinda dengan berikut, dengan memasukkan perkataan-perkataan berikut, selepas perkataan "Dewan dengan ini" dengan perkataan "memutuskan bahawa bermula pada pukul 6.00 petang." Selepas dipinda akan berbunyi bahawa "Dewan dengan ini memutuskan bahawa bermula pada pukul 6.00 merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48, bukan berlawanan dan tidak bercanggah dengan keputusan, tetapi satu pindaan sahaja. Ini mustahak oleh kerana accountability dan tidak ada sebab-sebab yang dimaksudkan.

Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu memberi sebab mengapa Tuan Yang di-Pertua memberi consent. Tetapi Yang Berhormat Menteri yang meminta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, yang memberi kebenaran daripada Dewan ini untuk suspend Standing Order ada tanggungjawab untuk memberi sebab-sebab kepada Dewan yang mulia ini selain daripada dia tidak accountable kepada sesiapa. Dia accountable, bertanggungjawab kepada Parlimen, bertanggungjawab kepada rakyat, dia perlu memberi sebab kenapa mahu menggantungkan Standing Orders. Tadi saya ada sebut, selain daripada ada sebab-sebab yang segera. Kalau tidak memberhentikan Standing Orders, huru-hara akan berlaku, bencana mala petaka akan menimpa negara ini, tidak! Broadcasting Act. *[Disampuk]* Inilah sikap 'mind-set' yang tunjuk belum matang. *[Disampuk]* Cakap banyak dalam UMNO General Assembly, di sini mainkan sebagai budak-budak, malu! Ini malu! Matang dalam UMNO Assembly, di sini budak-budak. *[Disampuk]*

Ini pindaan mustahak, oleh kerana kita mahu tahu apa sebabnya. Tak ada sebab. Satu sebab sahaja. Oleh kerana pihak kerajaan tidak boleh buat planning yang baik. Bukan oleh kerana kalau tidak kita suspendkan Standing Orders, tidak ada parliamentary business, kita perlu tangguhkan. Ini sia-sia wang rakyat. Ahli Parlimen datang seluruh negara tidak ada benda urusan, itu saya bersetuju. Tetapi ada parliamentary business. Kalau kita tidak bincang atau bahas Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) ini, kita ada 5 Usul, sungguhpun 5 Usul ini dikemukakan oleh pihak pembangkang, Ahli-ahli Parlimen DAP yang sangat tungkus-lumus, yang sangat 'hard working' *[Disampuk]* Pihak Barisan Nasional mahu setuju atau tidak mahu setuju, itu hal yang lain, tetapi inilah parliamentary business. Kita perlu menganggap apa yang dicatat di dalam Peraturan Mesyuarat sama ada dikemukakan oleh pihak kerajaan atau pihak pembangkang sebagai parliamentary business. Parliamentary business bukan bererti perkara yang dikemukakan oleh kerajaan sahaja. Parliamentary business ialah apa-apa bentuk urusan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen, tak kira apa-apa parti. *[Tepuk]* Inilah satu perkara Yang Berhormat Menteri tak faham, tak mahu faham oleh kerana tidak mahu mengadakan satu visi demokrasi. *[Disampuk]*

Banyak lagi. [Ketawa] Ini bukan UMNO Assembly, jangan berlagak-lagak. Jangan fikir ini UMNO Assembly, bukan. [Disampuk] Tak boleh bercakap begitu.

Bukan, tidak boleh cakap begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada perkara lain?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana di dalam Peraturan Mesyuarat, usul-usul yang dikemukakan adalah sangat mustahak. Apa pendirian yang akan diambil, itu hal yang lain, tetapi kita tentu semua patut bersetuju dengan semua perkara yang terkandung di dalam kelima-lima Usul ini - mustahak. Semacam Usul pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai KLLC - Kuala Lumpur Linear City - RM5 bilion dan lain-lain, dan melibatkan beribu-ribu setinggan. Satu projek megah dan raksasa, sama ada sesuai, sama ada patut, sama ada EIA yang diberi kelulusan oleh Department of Environment adakah patut dan wajar. Sepatunya kita adakah satu perbincangan dan perkara ini sebenarnya ada ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka pada bulan Mei, tetapi tiada apa-apa jawapan daripada pihak kerajaan. Sebab itu adalah satu Usul dan Usul yang kemudian, walaupun dibawa oleh Yang Berhormat dari Kepong, iaitu mengenai tol Lebuhraya Utara - Selatan - kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan, kenaikan tol di Jalan Kuching oleh Kamunting Corporation - itu akauntabiliti lagi. Inflasi Sifar dan inflasi, tetapi di sini semua tol naik. Apa yang kita mahu bincang? Patut bincang, kalau tidak dibincangkan di sini, apa gunanya Dewan Rakyat?

Usul ketiga ialah mengenai usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai Myanmar. Satu isu yang penting di dunia, mengenai demokrasi hak asasi, khasnya mengenai kedudukan Aung San Su Kyi - Nobel First Prize Laureate dan sama ada Malaysia patut mengambil pendirian tidak menghiraukan apa yang berlaku dalam Myanmar. Sama ada kita patut memberi sumbangan terhadap democratisation dalam Myanmar, sama ada pada saat ini di mana SLORC (State Law and Order Restoration Council) ambil tindakan yang begitu regresif patut di terima sebagai g anggota rasmi dalam Asean. Semuanya patut dibahas.

Satu lagi Usul yang kemudian yang bawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai East Timur. Dua tiga hari dahulu kita baca Nobel First Prize tahun ini yang dihadiahkan kepada dua orang pejuang kebebasan East Timur dan bishop Carlos Bellow dan Jose Ramos Hotta, sama ada kita perlu memberi pertimbangan dan memberi sumbangan dalam usaha mengadakan satu proses perdamaian dan satu proses penyelesaian masalah-masalah di East Timur. Ini patut diambil perhatian oleh Parlimen, oleh kerana kita mahu world leader, kita mahu suara kita lantang dalam dunia. Malaysia bukan sahaja mempunyai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bersuara lantang di dunia, kita mahu suara Parlimen juga lantang di peringkat dunia.

Kelima, pun di bawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai laporan United Nation Human Development Report tahun 1996 mengenai kemiskinan, mengenai desperity dalam income - semua itu mustahak. Kenapa kita tidak boleh bahaskan? Adakah kalau bahas, kerajaan boleh jatuh? Adakah kalau kita bahaskan kelima-lima Usul ini Kerajaan Barisan Nasional jatuh? Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh memberi jawapan dan tidak boleh membela pendiriannya? Atau kita perlu memupuk demokrasi? Kita mahu Demokrasi Berparlimen ini lebih bererti dan lebih bermakna. Itu satu sebab sahaja.

Lagi satu sebab, Broadcasting Amendment Bill - kenapa begitu cepat mahu bahas? Hari ini baru first reading dan apabila Yang Berhormat dari Kepong berdiri dan berkata bila dan kenapa begitu cepat mahu dibahaskan tanpa masa diberi kepada semua Ahli-ahli Parlimen? Dan bila diberi masa kepada Ahli-ahli Parlimen, bukan sahaja kepada Ahli Parlimen Pembangkang, tetapi Ahli Parlimen Barisan Nasional -

apakah Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak perlu diberi masa? Mereka "all yes-man or yes-woman" - tidak perlu fikir.

Broadcasting Amendment Bill, bukan sahaja Ahli Parlimen perlu masa untuk kaji, rakyat dan masyarakat umum? Oleh kerana ini adalah mengenai, bukan sahaja antena, Measat, tetapi sebenarnya mengenai akan membawa masuk digital television, digital radio - satu bahagian, dengan izin, coming of the digital age, termasuk democratisation. Satu Measat yang baru, terbuka dan lebih accountable, bukan satu Measat sahaja - digital unit. Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam era digital Yang Berhormat sahaja, bukan. Kita sebenarnya mahu rakyat faham. Sampai sekarang rakyat tidak tahu, masyarakat tidak tahu, apa kandungan dalam Broadcasting Amendment Bill - mereka tidak tahu, langsung tidak tahu. Sebenarnya sangat senang jika mahu, coming of the digital age. Parlimen dan kerajaan pun perlu memulakan langkah digitalisation. Tidak ada sebab kenapa Rang Undang-undang (Pindaan) Penyiaran ini tidak boleh dibuat dalam red page Parlimen.

Sekarang sangat senang dan sangat cepat, kenapa tidak boleh? Atau dalam Red Page Ministry of Information, kenapa tidak boleh, kenapa tidak mahu? Itu Measat - tidak mahu accountable, tidak mahu public participation. Sebab itu saya harap kita terima. Kalau Yang Berhormat Menteri begitu terdesak-desak mahu membentangkan rang undang-undang ini pada hari, bolehlah bermula pada pukul 6.00 - kita suspend Standing Orders pada pukul 6.00. Oleh kerana saya tidak boleh membuat apa-apa pindaan yang lain, kalau saya membuat apa-apa pindaan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, akan menolaknya, oleh kerana bercanggah dengan Usul asal. Saya tidak mahu bercanggah dengan Usul asal - beri sampai pukul 6.00 lah [*Tepuk*]

Itu ada sebab, oleh kerana membenarkan Usul-usul mengenai isu-isu yang penting, kita boleh tolak kalau kerajaan tidak bersetuju bahawa Usul yang dibentang oleh Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Kota Melaka - boleh tolak, tetapi, berilah peluang untuk satu perbincangan dan pada pukul 6.00 kita dengar Yang Berhormat Menteri Penerangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Kepong.

4.08 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu dan sudah boleh cakap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. [*Ketawa*]

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Duduklah Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Janganlah membuang masa pula. Usul ini adalah perkara yang terpenting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya percaya sangat peka dan prihatin kepada perkembangan, bukan sahaja di Kuala Lumpur, bahkan di seluruh negara, sepertimana yang kita lihat dalam perbincangan di Perhimpunan UMNO. Tetapi hari ini saya nampak, sebenarnya pihak kerajaan tidak ada urusan, tetapi tiba-tiba oleh kerana kita ada Usul, maka ada usaha untuk menghalang pihak kami untuk memperbincangkan, misalnya mengenai masalah Kuala Lumpur Linear City. Apa salahnya kita bincangkan? Apa salahnya?

Semua Ahli Yang Berhormat pun hendak tahu. Kita hendak menutup semua 12 kilometer Sungai Klang di dalam bandaraya kita dan dengan demikian adakah akan timbul bencana? Kerana Pengerusi Jawatankuasa Bencana ialah Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menjamin bahawa pada masa hadapan - satu atau dua generasi di masa hadapan tidak akan berlaku bencana kerana kita tutup semua sungai - melanggar alam sekitar dan menceroahi alam sekitar.

Bolehkah kita timbulkan masalah, sebab itu sahaja, saya tahu kita mempunyai teknologi untuk membuat sesuatu untuk mengadakan projek ke atas sungai. Kita ada teknologi tetapi kalau ada teknologi tidak semestinya kita mesti gunakan teknologi dan wang itu untuk hal sedemikian tanpa memperbincangkan dengan teliti, dengan mendalam.

Saya nampak Parit Sulong yang sulong tak begitu prihatin mengenai hal yang seperti ini. Pengerusi Backbencher tidak langsung mengambil berat mengenai hal sepeenting KL Linear City. Kalau dia sokong hal seperti ini, mengapa dia benarkan menteri mengemukakan Usul bagi dibentangkan dengan serta-merta tanpa berlakunya rencana. Mungkin dengan urusan seperti ini mungkin berlaku bencana kerana tidak mengikut cara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, berharap apa Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri, kerana ada kacau tadi, desas-desus, yang berkomat-kamit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sebagai Setiausaha Agung UMNO ....

**Seorang Ahli:** Belum tahu lagi, mungkin orang yang baru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum tahu lagi. *[Ketawa]* Di dalam kaca TV, saya lihat Yang Berhormat Menteri asyik mendengar hujah-hujah terutamanya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai demokrasi, mengenai cara yang betul hendak kita membanteraskan politik wang dan sebagainya dan mulai hari ini saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil iktibar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu cara yang betul, kita mesti menghayati apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat dan cara untuk menghayati ucapan Yang Amat Berhormat ialah bermula daripada Dewan yang terunggul ini, kita bermula.

Yang Berhormat, saya berharap boleh menarik balik Usul tersebut dan kemudiannya menghayati saranan ucapan Yang Amat Berhormat pada Perhimpunan Agung UMNO. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order 30(3). Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya pindaan dibuat ke atas Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 30(3), syaratnya sebelum cadangan pindaan Usul itu dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, suatu pemberitahu mesti diberi kepada semua Ahli-ahli Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hmm!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Persoalan sekarang Ahli-ahli Dewan tidak diberitahu terhadap pindaan Usul yang dicadangkan itu. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya di bawah Perkara 30(3), cadangan pindaan Usul itu tidak boleh dilayan sama sekali. *[Tepuk]* Saya baca 30(3), dengan izin:

“Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh peraturan-peraturan Majlis, hanya boleh dikeluarkan dengan Usul bersendirian setelah dikeluarkan pemberitahu.”

Persoalannya mana pemberitahu mengenai cadangan pindaan Usul yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong? Hanya tadi sahaja dibentangkan dalam Mesyuarat ini. Ahli-ahli yang lain berhak diberitahu terlebih dahulu, jika ada cadangan pindaan terhadap Usul tersebut. Dan oleh kerana tidak ada pemberitahuan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 30(3), cadangan pindaan Usul itu di tolak oleh Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap ya! Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Syabaslah, Ahli Yang Berhormat dari Machang. Sudah tunjuk warnalah, tetapi saya tak tahu kenapa perlu tunjuk warna begitu cepat. *[Ketawa][Tepuk]* Lebih mustahak tunjuk martabat, maruah daripada tunjuk warna lompat.

**Beberapa Ahli:** Marah ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya saya tidak mahu marah Yang Berhormat, tetapi perangai tadi itu tak sihatlah. Di sini Peraturan Mesyuarat 26, dia peguam tetapi dia peguam buruk tadi. 26(1) itu cukuplah. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, lebih fasih dalam perkara ini, saya tak perlulah tunjuk.

Kalau Yang Berhormat tak faham, saya boleh tunjuk, baca Peraturan Mesyuarat 26.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab saya telah membenarkan perbahasan tadi dan telah pun membenarkan pindaan, saya rasa tidak payahlah kita hendak merujuk balik kepada Peraturan Mesyuarat. *[Tepuk]*

Selain daripada itu saya berkuasa hendak membenarkan sesuatu benda untuk dibahaskan atau tidak. Yang demikian, saya tutupkan perbahasan ini dan saya hendak kemukakan Usul untuk diputuskan oleh Ahli-ahli Mesyuarat.

Yang pertamanya, sebagai lazim, cadangan pindaan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu. Jadi, yang demikian saya kemukakan cadangan pindaan ke atas cadangan asal yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan iaitu dengan memasukkan satu ayat lagi selepas daripada perkataan 'Dewan dengan ini' perkataan-perkataan 'memutuskan bahawa bermula pada pukul 6.00 petang'.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang demikian pindaan ditolak. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan yang asal tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48, sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN (PINDAAN) 1996**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat, sila.

4.17 ptg.

**Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya di atas kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua di atas menyelesaikan masalah ini.

Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988.

Tujuan pindaan adalah bagi mengemaskinikan akta tersebut yang terhad skopnya supaya selari dengan perkembangan bidang penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Penyiaran 1988 dikuatkuasakan, banyak perubahan dan perkembangan teknologi telah berlaku dalam bidang penyiaran. Bermula dengan dua rangkaian televisyen terrestrial kerajaan pada tahun 1969, penduduk Malaysia sekarang telah diberi pilihan televisyen terrestrial swasta.

Pada 1hb. November, 1995, sistem TV berlanggan pula diperkenalkan melalui Mega TV.

Pada 13hb. Januari, 1996, satelit pertama Malaysia atau Measat I dilancarkan. Peristiwa ini merupakan titik gemilang dalam perkembangan teknologi telekomunikasi dan penyiaran di negara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bukan sahaja TV satelit bahkan pelbagai inovasi penyiaran yang lain boleh diperkenalkan kepada orang ramai.

Manfaat penyiaran satelit menjangkau hiburan dan maklumat dan lebih penting lagi pendidikan dan perniagaan. Dengan pengurusan yang bijak, TV satelit mampu memberi sumbangan yang besar dan berkesan dalam usaha kita mewujudkan masyarakat yang bermaklumat. Access kepada maklumat perlu untuk kemajuan kita. Justeru itu kita perlu menyokong inovasi-inovasi ini.

Namun begitu, kerajaan mempunyai tanggungjawab memastikan bahawa teknologi ini tidak disalahgunakan sehingga memudaratkan kepentingan negara dari segi sosial, ekonomi dan politik. Maka satu pendekatan perlulah dicari untuk memenuhi tuntutan pembangunan di samping memenuhi tanggungjawab kerajaan bagi mengawal bahan-bahan siaran seberapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memperjelaskan di sini rasional serta isu-isu utama Akta Penyiaran 1988 ini. Pertama, supaya perkhidmatan penyiaran yang perlu dilesenkan dan dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan teknologi satelit hari ini telah mewujudkan perkhidmatan-perkhidmatan baru dalam bidang penyiaran. Akta yang sedia ada hanya melesenkan kegiatan penyiaran di Malaysia sedangkan teknologi satelit hari ini telah meningkatkan keupayaan untuk memancar dari Malaysia ke mana-mana negara luar. Sebagai contoh, stesen penyiaran di Malaysia boleh memancarkan melalui satelit Measat program-program dari Malaysia kepada penonton-penonton di beberapa buah negara Asia.

Teknologi satelit juga membolehkan pemancaran bahan-bahan dari Malaysia ke mana-mana satelit dan satelit itu akan memancarkan kepada stesen penerima di negara lain yang mahu menerima siaran itu. Sebagai contoh, stesen penyiaran di Malaysia boleh mengadakan kerjasama dengan operator satelit di negara lain untuk membekalkan rancangan-rancangan televisyen Malaysia.

Keupayaan teknologi satelit pada hari ini juga membolehkan penerimaan bahan penyiaran dari luar Malaysia melalui satelit. Sebagai contoh, operator di Malaysia boleh menerima siaran pendidikan melalui satelit untuk tujuan latihan. Percantuman teknologi penyiaran dengan teknologi telekomunikasi, komputer dan penerbitan membuka peluang kepada pelbagai inovasi kepada perkhidmatan penyiaran

yang sedia ada hari ini seperti keupayaan interactivity, contohnya teleshopping, telebanking, maklumat atas permintaan seperti video atas permintaan (video on demand) and TV litar tertutup (close-circuit TV).

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, akta ini perlu dipinda ialah supaya tafsiran yang usang dalam akta sedia ada dipinda sesuai dengan perkembangan semasa. Banyak perubahan dan skop perkhidmatan penyiaran berlaku dalam masa 8 tahun iaitu semenjak tahun 1988. Pada hari ini, aktiviti penyiaran tidak terhad kepada teknologi gelombang radio, kawat dan kabel sahaja, tetapi melalui satelit dan percantuman teknologi, sebagai contoh, alat terima siaran radio diperluaskan bagi meliputi bidang penyiaran radio melalui satelit, alat terima siaran TV diperluaskan supaya meliputi bidang penyiaran TV melalui satelit dan semua jenis peralatan dan radas yang membolehkan penerimaan siaran melalui satelit.

Siaran televisyen dipinda supaya takrif sebuah stesen penyiaran meliputi pancaran bahan penyiaran melalui gelombang bunyi, kabel dan satelit. Dari segi orang awam, tafsiran baru ini diwujudkan bagi meliputi pelbagai tempat perhimpunan orang ramai termasuklah hotel, kompleks membeli-belah, kenderaan dan tempat-tempat hiburan, pesawat udara dan vesel. Dirasakan tafsiran baru ini diwujudkan memandangkan perkembangan perkhidmatan penyiaran ini ke pesawat udara dan pengangkutan air yang selama ini tidak dikawal oleh akta tersebut dan bahan penyiaran asing.

Dari segi tafsiran baru ini, dirasakan perlu diwujudkan bagi menjamin kawalan kerajaan ke atas penerimaan bahan penyiaran dari luar Malaysia yang berpunca dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya akta ini perlu dipinda supaya sempadan pengurusan hal ehwal penyiaran dikemas kini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan yang sedia ada, pihak-pihak yang mahu menerima siaran satelit perlu memohon kepada Kementerian Penerangan untuk mendapatkan sokongan dari segi polisi sebelum memohon kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mendapatkan lesen memasang alat terima siaran. Keadaan ini bukan sahaja merumitkan penyelarasan dan penguatkuasaan, tetapi juga membebankan orang ramai yang semakin ramai berkehendakkan perkhidmatan satelit.

Oleh itu, di dalam pindaan ini, dicadangkan supaya proses pentadbiran pelesenan alat terima siaran TV dan radio ini disatukan di bawah Kementerian Penerangan dan ini akan memperkemas pentadbiran, melicinkan penguatkuasaan dan memudahkan lagi orang ramai.

Keempat, akta ini perlu dipinda ialah supaya bidang kuasa menteri diperluaskan dari aspek-aspek berikut:-

- (i) penentuan terma dan syarat lesen, termasuk penalti. Penalti penting supaya penguatkuasaan dapat dijalankan secara efektif;
- (ii) penentuan tempoh sahlakunya sesuatu lesen penyiaran. Peruntukan ini memenuhi ruang flexibility sebagai satu sumber sokongan kepada industri penyiaran hari ini yang melibatkan satu pelaburan yang besar yang mungkin memerlukan tempoh yang lebih lama daripada setahun untuk mendapatkan pembiayaan kewangan;
- (iii) menentukan saiz dan bentuk parabola yang diizinkan untuk penggunaan pelanggan dan pengecualian-pengecualian yang difikirkan perlu;



- (iv) pengawalan beberapa bentuk pendedaran bahan-bahan penyiaran seperti pembekalan bahan siaran ke hotel-hotel dan pembekalan bahan siaran atas permintaan serta denda yang boleh dikenakan terhadap mereka yang menguruskan pendedaran ini tanpa lesen;
- (v) pengecualian mana-mana pihak daripada pelesenan bagi melindungi kegiatan penyiaran untuk tujuan rasmi atau perkhidmatan awam yang tidak bermotif keuntungan; dan
- (vi) meluluskan iklan sebelum ia dipancarkan oleh stesen penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, kelimanya, akta ini perlu dipinda supaya menjelaskan prosedur penguatkuasaan supaya membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa melaksanakan tanggungjawab dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan pesat dalam bidang penyiaran hari ini terus berlaku dan akan terus berlaku. Perubahan-perubahan ini perlu ditangani sekarang dengan bijak melalui undang-undang yang perlu dipinda sekarang. Kita tidak boleh membiarkan perubahan berlaku tanpa hala yang tertentu, tetapi haruslah ke arah manfaat rakyat dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Marang.

4.28 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyertai perbincangan pindaan rang undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya suka mengemukakan pandangan dan peringatan untuk menjadi perhatian pihak kerajaan.

Pihak kerajaan dan seluruh rakyat perlu menyedari peranan penyiaran sangat besar kesannya kepada rakyat dalam membentuk keperibadian mereka. Maka masalah keruntuhan moral yang menjadi perbincangan hangat tidak boleh dipisahkan dengan peranan penyiaran yang menyelip ke setiap rumah di negara kita, terutamanya perkembangan tamadun manusia yang menukar corak bahan-bahan mewah seperti TV sudah menjadi bahan asasi, bukan sahaja menjadi tontonan di tempat yang tertentu seperti di masa-masa yang lalu, bahkan masuk ke bilik-bilik rumah.

Oleh kerana itu, kerajaan perlu memberi perhatian yang serius kerana apa yang sedia ada telah tidak terkawal walaupun dikatakan ada penapisan filem dan dibuat berbagai-bagai senarai, tetapi tetap tidak dapat membendung tersiar atau sengaja disiarkan bahan-bahan yang memberi kesan negatif kepada moral rakyat khususnya di kalangan generasi muda dan kanak-kanak. Saya rasa perkara akhlak ini seperti tidak termasuk dalam agenda Kementerian Penerangan, maka dititikberatkan kepada minat dan selera penonton sahaja, maka diisikanlah program agama untuk yang berminat kepada agama dan hiburan mengikut selera yang lain pula. Kategori lucah atau ganas bukannya mengikut lunas-lunas agama atau lunas-lunas pendidikan yang sebenar, tetapi mengikut selera dan perasaan mereka yang menapis.

Tidak ada suatu kaedah yang berlandaskan kepada hukum syarak yang dianggap menjadi agama persekutuan. Pihak kerajaan tidak boleh menafikan bahawa

peratusan untuk maklumat yang berfaedah dalam siaran adalah lebih kecil kalau dibandingkan dengan aspek-aspek hiburan dan iklan secara melampau.

Begitu juga penonjolan wanita secara tidak bersopan dan menjatuhkan imej mereka sendiri. Yang hendak dijual sabun, yang diiklan wanita. Yang hendak dijual alat-alat sukan, yang diiklannya wanita sehingga tidak mempunyai matlamat barang yang hendak diiklan.

Dalam rang undang-undang pindaan ini dimasukkan kebenaran kepada penyiaran bahan-bahan asing secara langsung dari mana-mana sahaja. Kalau yang tidak secara langsung dan melalui peringkat penapisan oleh pihak yang berkenaan terlebih dahulu kita melihat masih banyak yang tidak tertapis atau penapisnya bocor, maka kita tidak tahulah apa yang akan berlaku dalam penyiaran asing itu.

Saya tidak menafikan bahawa kita memerlukan maklumat-maklumat terkini melalui teknologi moden tetapi berapa keratkah yang dapat menilai maklumat yang benar memberi faedah untuk perkembangan ilmu yang memberi manfaat. Maka tidak terhitung banyaknya mereka yang lebih mencari peluang untuk hawa nafsu, maka keuntungan dan kaedahnya untuk segelintir dan mudaratnya menimpa majoriti rakyat. Untung sekarung, ruginya berlori-lori, bukannya berguni-guni.

Pindaan yang dilakukan untuk Akta Penyiaran lebih bersifat ke arah memberi kuasa kepada kerajaan dan menteri dalam aspek pentadbiran dan hukuman, tetapi tidak menekankan aspek prinsip dan tindakan ke arah reformasi penyiaran untuk meningkatkan peranan berilmu dan berakhlak serta membasmikan aspek-aspek negatif kepada moral dan minda rakyat. Yang menjadi asas kepada tamadun umat manusia seperti yang digembar-gemburkan ke arah membina masyarakat madani, apakah matlamat masyarakat madani yang bertamadun dapat dicapai dengan penyiaran yang tidak bertapis, yang memberi kesan yang meruntuhkan moral dan akhlak? Sepatutnya peranan hendaklah diberi kepada pihak agama dan pendidikan dalam menentukan pelaksanaan penyiaran negara bermula dengan menentukan program yang hendak disiarkan sehinggalah menapis bahan-bahan asing yang hendak dimasukkan supaya tidak melampaui batas dan sempadan agama dan moral ketimuran yang murni dan menerima bahan-bahan yang bermanfaat sahaja, menolak bahan-bahan yang memberi mudarat dan meruntuhkan. Dan penyiaran di negara kita mestilah bersifat menyeru kepada yang baik dan mencegah kemunkaran. Bukannya menyeru kepada yang baik dan membiarkan kemunkaran. Mestilah menyeru kepada yang baik dan mencegah kemunkaran yang menjadi rukun kepada pembangunan masyarakat yang bertamadun mulia yang dicakap-cakapkan itu.

Maka demi kebaikan semua, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menubuhkan Majlis Penyiaran Negara yang melibatkan semua pihak kalangan agama, kalangan pendidikan dan penyiaran di mana majlis ini hendaklah ditubuhkan dengan diberi kuasa yang mampu menangani masalah kebocoran dan pencemaran penyiaran yang berleluasa pada hari ini dan mestilah mempunyai suatu prinsip, suatu kaedah dan suatu dasar yang tetap di dalam menilai sama ada ia lucu, ganas ataupun sebagainya, bukan dengan cara sembrono.

Perkara menangani masalah keruntuhan moral wajiblah menjadi agenda penting di dalam masalah penyiaran ini. Kita perlu menyedari masyarakat kita belum mempunyai ketahanan pendidikan, ketahanan agama, ketahanan moral yang dapat menolak aspek negatif. Sekiranya ia diteruskan juga tanpa ketahanan-ketahanan perkara ini akan mencetuskan ledakan moral yang meruntuhkan masyarakat dan negara. Oleh kerana itu, saya memberi peringatan tersebut kepada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong.**

## 4.35 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menegur pihak Parlimen supaya lampu yang ada di depan meja wakil-wakil rakyat ini dipasang semula kerana di dalam keadaan cuaca semacam ini susah untuk kita membacanya, jadi saya harap dapat perhatian dari Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan untuk permulaannya saya ingin mengambil inti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31hb. Ogos, 1995 yang mengatakan, "bahawa dengan munculnya televisyen satelit dan information superhighway, anak-anak muda akan terdedah dengan pelbagai maklumat dan nilai hidup yang kurang sihat dan jika kita tidak berhati-hati, masalah keruntuhan moral di kalangan belia yang sedang menghantui Barat akan muncul di hadapan pintu kita".

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membincangkan satu akta yang akan menghalalkan bermulanya era televisyen 31 saluran. Pada hari ini kita mempunyai 2 saluran di pihak kerajaan, 2 saluran swasta dan 5 lagi saluran menerusi Mega TV, jumlahnya 9. Dan tidak lama lagi kita akan mempunyai lagi pertambahan lebih kurang 20 saluran menerusi satelit. Ini bermakna televisyen akan menemui masyarakat kita menerusi lebih kurang 29 saluran 24 jam sehari. Dengan itu, saya harap kita akan mengadakan satu impact assessment ataupun kajian impak kepada suguhan ataupun penghidangan 29 saluran ini kepada masyarakat khususnya atas penekanannya impak saluran ini kepada masyarakat, kepada nilai dan kepada budaya kita. Perkara ini mungkin agak sukar untuk dilakukan tetapi dengan kenyataan-kenyataan yang telah wujud di hadapan kita, ia mesti dilakukan.

Sebagai contohnya, sekarang ini menerusi satelit TV, apakah bentuk-bentuk siaran yang kita boleh perolehi menerusi siaran-siaran televisyen yang diperolehi dari satelit melainkan beberapa saluran iaitu lebih kurang 4 atau 5 saluran yang membawa bahan-bahan dokumentari, bahan-bahan berita dan sebagainya, yang lain adalah hiburan dan hiburan ini bukannya disukai menerusi kriteria-kriteria ketimuran atau lebih khusus lagi kriteria-kriteria Malaysia. Di sinilah bermulanya yang saya harap akan diadakan satu kajian impak terhadap kemunculan televisyen-televisyen hiburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat sebagai seorang media practitioner walaupun saya di dalam print media, saya dapat melihat bahawa sekarang ini beberapa rancangan popular dalam televisyen adalah diwujudkan untuk menaja kehendak pengiklan. Bukannya kerajaan mewujudkan rancangan-rancangan, kemudian mencari iklan untuk menaja rancangan itu. Ada rancangan-rancangan hiburan oleh televisyen swasta umpamanya, tidak menitikkan satu perkara yang deductive, yang boleh membimbing tidak meninggalkan kesan melainkan mengkhayalkan. Ini semua adalah oleh kerana mereka didorong oleh iklan yang mahu dan sedia menaja rancangan-rancangan tersebut.

Umpamanya mengapakah tidak diadakan rancangan-rancangan untuk membina minda? Mengapakah kekurangan iklan-iklan pembinaan munda masyarakat? Mengapa kekurangan-kekurangan program untuk kita consolidate lagi perpaduan kita? Tidak ada. Oleh kerana ini tidak menarik kepada pihak pengiklan. Sekiranya kita berkuasa, kita harus menyediakan garis panduan kepada pengiklan. Jangan kita dikuasai oleh para pengiklan. Perkara ini saya lihat sebagai satu fenomena dan perkembangan yang serius. Saya tidak mahu menyebut saluran TV mana tetapi kita perhatikan apabila kita balik nanti, kita perhatikan 4 saluran TV yang ada dalam negara kita, TV1, TV2, TV3 dan Metro Vision (TV4). Kita lihat manakah program-program yang nampaknya ditonjolkan atas tajaan pengiklan? Mengapakah pengiklan hanya setuju untuk menaja program-program yang mengkhayalkan?

Adakah pengiklan mahu juga menjadi golongan yang bertanggungjawab untuk melahirkan generasi khayal? Adakah kita mahu mewujudkan generasi cool planet yang hanya mahu berhibur-hibur, bersantai dan juga tidak mengambil kisah masalah nilai, moral, prinsip dan sebagainya? Adakah kita mahu menonjolkan generasi yang hanya bersuka-ria?

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan besar anak-anak Melayu yang terkeluar dari sistem pendidikan, mereka tertarik kepada dunia yang glamour dan dunia yang glamour ini bukannya diperolehi menerusi saluran-saluran intelektual, tetapi dunia glamour ini diperolehi secara mudah menerusi hiburan, majalah-majalah (pre-media) yang menonjolkan glamour anak-anak Melayu tidak dikawal. Sekarang ini program-program yang menonjolkan glamour yang akan menghanyutkan generasi Melayu juga tidak dikawal. Apa akan terjadi kepada generasi kita di masa akan datang?

Saya bimbang, saya mempunyai tiga anak remaja di rumah. Kita tonjolkan dengan majalah-majalah yang membawa kesan pendidikan, dikesampingkan. Majalah-majalah yang menjulang idol ataupun pujaan-pujaan hiburan tidak payah kita belikan, daripada pocket money akan dibelanjakan kepada majalah-majalah itu. Di manakah kesan kita di dalam pembinaan intelektual bangsa, sekiranya perkara ini berlaku? Perkara ini serius. Di dalam kerajaan mahu menonjolkan satu masyarakat berilmu. Di dalam waktu kerajaan mahu menonjolkan masyarakat bermoral, perkara-perkara ini kita pandang sebagai satu perkara yang remeh.

Ada seorang sahabat saya, seorang Profesor dari Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan membuat satu kertas kerja. Sekarang ini apabila kita subscribe ataupun kita setuju untuk mewujudkan 29 saluran televisyen swasta menerusi satelit, apakah gejala-gejalanya? Daripada satu kajian yang dibuat, dia kata content saluran-saluran televisyen menerusi satelit ini majoritinya adalah hiburan - hiburan 24 jam.

Saya ingat waktu saya berada di luar negeri pukul 4.00 pagi kita boleh melihat satu rock concert. Kita boleh melihat porno movie, kita boleh melihat segala-galanya. Ini pula akan digandingi dengan internet, walaupun internet mungkin terkeluar daripada jurisdiction Kementerian Penerangan, tetapi mengapa perkara ini tidak dibawa atau masuk jurisdiction Kementerian Penerangan? Oleh kerana internet juga terbabit dengan penyaluran maklumat di mana lebih kurang 60% daripada maklumat yang disalurkan menerusi super highways adalah maklumat-maklumat pornography, khususnya menerusi provides seperti usenett dan sebagainya. Memang Jaring mempunyai saringan kepada perkara-perkara yang disalurkan menerusi internet, tetapi bagaimana sekiranya bahan-bahan lucu dan 'cybrephone' ini tersembunyi di sebalik fail-fail dengan code-code yang tertentu yang boleh diperolehi menerusi majalah-majalah tertentu. Tidakkah ini membimbangkan? Memang saya bangun untuk tidak menolak kehadiran internet dan kehadiran satelit TV, sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri Penerangan, dia kata 'akses kepada kedua fenomena ini akan membawa kepada kemajuan', tetapi bagaimana sekiranya ada obsession kepada akses ini? Siapa yang akan mengawal ultimately pada perkiraan hitung panjang, siapa yang akan mengawal? Memang kerajaan menggalakkan, dia kata 'the best censor' ataupun satu pendorong untuk kita menolak bahan-bahan yang kuning (yellow culture) ini adalah didikan agama dan iman - memang. Tetapi bagaimanakah kita untuk meyakinkan generasi muda terhadap perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya menegaskan mengenai iklan juga. Di dalam TV, di negara kita sendiri, televisyen yang dikontrol oleh government ataupun dikuasai oleh pihak swasta.

Sekarang kita dapati iklan-iklan yang kadang-kadang terlalu abstrak, tidak membawa makna apa-apa, cuma dia menglamourkan cara hidup yang bebas. Cara hidup yang bebas sebeb-bebasnya. Cuba kita perhatikan satu iklan 'gila' yang membawa satu jenama rokok, yang konon dikaitkan dengan satu travel agency. Cuba

kita tengok seorang boleh bersikat dengan tulang ikan, bagaimanakah gaya hidup bebas yang cuba dipotraitkan dengan iklan ini? Bagaimana kita melihat satu iklan rokok di mana anak-anak muda hanya diketengahkan dengan hiburan dan hiburan sahaja? Mengapa tidak mahu dicari satu jalan supaya dipromotkan tradisi lama untuk mengiklankan sesuatu barang, umpamanya satu bahan consumer product, dia menyetengahkan tradisi mengukir bahan logam dan sebagainya untuk dikaitkan dengan produk yang berkenaan. Tetapi mengapakah dikaitkan dengan glamour perkara-perkara yang mudah menangkap minat generasi muda?

Saya sekali lagi menekankan adakah kerajaan mahu menguasai syarikat iklan ataupun kerajaan mahu dikuasai oleh syarikat iklan di negara ini? Perkara ini memang perlu dipersoalkan kerana saya tengok sebagai seorang yang terlibat dalam industri penerbitan, saya tahu tidak banyak para pengiklan yang mahu menaja program ataupun publication yang berbentuk ilmu, tetapi akan berebut-rebut para penaja yang akan menaja ataupun mengiklankan produk-produk mereka untuk bahan yang mengkhayalkan, mengapakah perkara ini berlaku di dalam negara kita?

Marilah kita persoalkan, marilah kita fikirkan sama-sama, mengapa perkara ini berlaku di dalam negara kita? Saya tidak mahu menyalahkan pihak pembentuk program televisyen, tetapi apabila kita mengatakan mengenai program, saya menyanjung kebijaksanaan Menteri Penerangan, tetapi mengapakah masih lagi disuguhkan program-program yang 'mediocre', program-program yang mencemoh sesuatu bangsa. Mengapakah kita harus menyetengahkan program-program di mana dialog-dialognya diwarnai oleh unsur-unsur seks? Mengapakah kita menyetengahkan program-program bahawa Melayu adalah kedaifan, mengapakah? Adakah ini selaras dengan aspirasi bangsa kita untuk mewujudkan satu bangsa yang cemerlang di abad akan datang?

Kita kaji semula sama ada hidangan-hidangan di televisyen terbitan tempatan pada pukul 6.00 petang ataupun pada sebelah malam terlalu 'mediocre', kadangkala tidak diteliti continuitynya, umpamanya seorang pekerja kilang kononnya balik kampung untuk menyambut Hari Raya, tidak dijelaskan Hari Raya apa? Tetapi di tengah jalan minum air, kalau Hari Raya Puasa mengapa minum air di tengah jalan, detail ini tidak diteliti. Saya melihat sendiri anak saya pun bertanya, dia kata "ayah, kenapa ini dia hendak balik cuti berHari Raya Puasa di tengah jalan minum air?" Ini menunjukkan tidak diperincikan the final detail of everythings.

Apatah lagi untuk menitikberatkan bahan-bahan kualiti. Mungkin saya tidak mahu membuat tohmahan di dalam Dewan ini. Mungkin oleh kerana penerbit ini mempunyai kaitan dalaman, maka boleh lepas, mungkin. Atau mungkin kita menjadi satu masyarakat, dia kata 'tak apalah, asal penerbitan tempatan kita siar,' tanpa memerlukan kualitinya, tanpa memerlukan sama ada kualitinya meruntuhkan, kualitinya menghina atau kualitinya terlalu rendah dan mediocre. Kita lihat balik, kalau pihak RTM tidak puas hati dengan cakap saya, ulang balik mana-mana filem yang membabitkan seorang pekerja kilang balik kampung untuk hari raya, di tengah jalan minum. Apakah implikasinya. Implikasinya kita terlalu sembarangan di dalam menjalankan tugas kita. Perkara ini tidak harus diulang, perkara ini amat memalukan.

Seterusnya, cerdik-pandai mengatakan bahawa dengan izin, media are not transparent vessel that carry meaning between people. On the contrary they have to shape meaning and they back exert an important influence on both culture and values. Media bukan satu saluran yang telus untuk memberi makna kepada setiap pengirannya. Tetapi sebaliknya mereka menolong penonton untuk membentuk erti terhadap perkara yang dilihat. Sekiranya kita memaparkan perkara-perkara yang mediocre, kita akan membentuk pemikiran yang mediocre. Sekiranya kita memaparkan perkara-perkara yang membina, maka kita akan menyumbang terhadap pembinaan sesuatu generasi. Tuan Yang di-Pertua, saya harap sama ada Televisyen Malaysia, sama ada televisyen swasta di dalam negara ini, perhatikanlah apa yang dikatakan sebentar tadi.

Seterusnya, baru-baru ini Menteri Penerangan ada mengatakan tidak lama lagi akan dilaksanakan garis panduan penyiaran. Sudah berapa lama garis panduan penyiaran ini digubal. Siapakah ahli-ahli panelnya, dan apakah pandangan-pandangan dan penemuan-penemuan dari panel garis panduan penyiaran ini? Sekiranya garis panduan ini akan dikuatkuasakan, adakah ini cuma di dalam bentuk garis panduan ataupun perkara ini akan diperundangan supaya menjadi 'rules and regulation' yang tidak ada pihak yang tidak akan patuh kepada garis panduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya bimbang adalah mengenai program-program yang akan mengikis 'national consciousness', kesedaran kebangsaan. Memang banyak program-program yang kita tayangkan sekarang ini untuk orang-orang dewasa tidak akan membantu kepada penghakisan national consciousness' ataupun kesedaran kebangsaan. Tetapi apabila dihadangkan dengan 20 saluran televisyen antarabangsa, bagaimanakah kesan terhadap, sama ada dia boleh 'erode' menghakis ke saluran kebangsaan, dan pada waktu yang sama akan menimbulkan satu subconsciousness terhadap international yang pada waktu yang sama akan merosakkan kebangsaan itu sendiri.

Umpamanya, pada anak-anak muda, sekarang ini kita salurkan, kita hidangkan mereka dengan televisyen, pada sebelah pagi mungkin televisyen pendidikan dan sebagainya. Tetapi sekarang ini tidak. Daripada dialog-dialog yang diselitkan menerusi filem-filem antarabangsa, bukan saya menentang, tetapi perkara-perkara ini tidak disaring dan tidak ditapis. Dialog-dialog yang mungkin akan merosakkan keyakinan kebangsaan itu. Oleh kerana perkara ini telah pun dikaji oleh beberapa pengkaji-pengkaji media, dia kata apakah impak, global masscommunication terhadap national security. Bermakna apakah juga impak global communication yang terlalu keterlaluan terhadap national consciousness. Apabila telah terlalu banyak dihadangkan filem daripada luar negara yang mungkin dialog itu sentimental kepada segolongan besar masyarakat di Malaysia, secara terus-terang umpamanya kalau terlalu disuguhkan dengan terlalu banyak filem-filem daripada negeri China, ataupun berasal dari China, baik dari Republik Rakyat Cina, baik dari Hongkong atau daripada Taiwan, bagaimanakah consciousness kebangsaan orang-orang Malaysia untuk orang-orang muda? Adakah mereka akan berhalakan kepada Taiwan ataupun mereka berhalakan kepada Hongkong ataupun kepada Republik Rakyat China ataupun mereka akan terus mempunyai satu consciousness Malaysian.

Persoalan ini saya ketengahkan kepada pihak pembuat dasar supaya perkara ini dikaji dengan teliti. Bukannya saya anti kepada perkembangan ini. Tetapi saya harap berilah ubat kepada perkara ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat Parit yang Sulong tadi. Saya setuju bahawa memang dengan perkembangan semasa ini daripada pelbagai segi kita memang mesti prihatin kepada impak, implikasi dan konsekuensi. Cuma satu saja, apakah Yang Berhormat cadangkan untuk mengurangkan kesan yang buruk ini? Saya setuju dari segi soal agama, dari segi cara hidup, termasuk muzik, termasuk adegan-adegan yang ada di dalam sama ada di Internet ataupun di Digital, sekarang Astro dan sebagainya, memang akan ada gejala-gejala yang tidak sihat yang boleh menjejaskan semangat kebangsaan kita. Apakah cadangan Yang Berhormat untuk mengurangkan masalah ini, kerana masalah ini akan bertambah buruk.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya sebenarnya akan sampai kepada cadangan-cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya mempersoalkan perkara ini bukan dari segi emosinya saya menentang. Tetapi saya mahu mengetengahkan

supaya kita sedari sewaktu sebelum perkara berlaku. Umpamanya, dahulu kerajaan telah pun menyekat, kalau tak silap saya mengharamkan kemasukan komik-komik daripada Hong Kong yang membawa satu agenda tertentu, mungkin untuk menyebarkan nasionalisme seberang laut kepada Malaysia, komik-komik itu diharamkan. Sekarang bagaimana sekiranya dihidangkan dengan filem-filem yang boleh mengukuhkan ataupun memindahkan kesetiaan. Ini satu perkara yang hypothetical, it might not happen, tidak mungkin akan berlaku sekiranya kita berwaspada daripada awal. Tetapi sekiranya kita tidak kawal, bagaimana?

Mungkin cara untuk mengatasinya adalah programkan perkara ini kepada lewat malam, mungkin supaya anak-anak muda yang belum lagi kukuh jiwa kemalaysiaannya tidak akan melihatnya, satu. Yang keduanya, kalau perkara-perkara yang berkaitan dengan 'violence, horror, sex and counter culture' juga kita schedulekan penyiarannya pada lewat malam umpamanya supaya ini tidak akan menjejaskan suguhan kepada suatu 'household' itu pada waktu prime time, di mana anak dan ibu, di antara lepas Isya' dan mungkin pukul 10.30 malam, prime time itu jangan disuguhkan perkara-perkara yang mungkin 'considered as adult only.'

Ini dan pada waktu yang sama, rakyat Malaysia juga harus mewujudkan satu gerakan yang bersama supaya setiap household itu juga menjadi pengawas kepada penyiaran-penyiaran televisyen yang ada. Kita mungkin tidak termampu untuk mengawal 29 saluran yang akan masuk menerusi satelit. Kita mungkin juga tidak mampu untuk mengawal 4 atau 5 saluran yang disalurkan menerusi Mega TV.

Tetapi sekiranya diadakan satu perundingan (at source) ataupun diadakan, bermakna kita dengan secara appeal kepada penerbit-penerbitnya at source, perkara-perkara ini harus disaring. Oleh kerana saya melihat perkara ini dia boleh "delayed telecast" pun umpamanya, culture yang disiarkan untuk negeri Siam di Thailand tidak sama dengan kita. The permissiveness of masyarakat di negara Siam (Thailand) tidak sama. Masyarakat Malaysia tidak permissive sebagaimana masyarakat Thailand. Masyarakat Malaysia tidak sama permissiveness dengan masyarakat di Manila. Begitu juga kalau dibandingkan permissiveness masyarakat di Indonesia, tidak sama dengan kita. Umpamanya satu filem yang disalurkan di Malaysia harus hanya khas untuk penyaluran ke Malaysia. Tidaklah juga di salurkan untuk Thailand, disalurkan untuk Manila dan disalurkan untuk lain-lain region yang mempunyai background kebudayaan yang berbeza.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Memang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kita mesti perhatikan. Cuma adakah Yang Berhormat tahu bahawa melalui Astro, pihaknya mempunyai satu cara untuk siaran lewat sedikit, kemudian ada beberapa minit ditapis oleh pihak yang tertentu untuk disiarkan? Tetapi masalahnya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kawalan adalah susah kerana faktor-faktor yang tertentu? Misalnya, walaupun pihak kementerian tidak mengakui bahawa terdapat gejala-gejala di dalam buku dan di dalam siaran-siaran yang lain iaitu sex dan kebudayaan kuning melalui video tape dan sebagainya tidak ditapis dengan berkesan. Itu memang berlaku. Kita tahu bahawa masalah seperti ini berlaku. Tetapi keberkesanan kementerian untuk mengawalseliakan semua ini memang perlu diperbaiki. Saya setuju kita mesti mempertingkatkan keberkesanan kawalseliakan ke atas semua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kita tidak mengharapkan penapisan yang 100%, tetapi sekiranya kita dapati sesuatu movie ataupun bahan siaran hiburan itu memang susah untuk ditapis, kita haramkan sahaja, tidak usah disiar. Oleh kerana kadang-kadang kita boleh tapis adegan (action) tetapi kita tidak boleh menapis dialog. Sesetengah filem yang ditunjukkan, nampak

innocence, bermakna tidak boleh merosakkan, tetapi, tertindih ataupun deep planted inside, satu psikologi bahawa hidup bebas adalah satu perkara yang diterima. Saya membangkitkan mengenai satu program "My Two Dads" or something, di mana seorang anak gadis sunti mempunyai dua orang ayah, sedangkan ibunya adalah seorang. Ini suatu perkara yang sukar untuk diterima logiknya. Bagaimanakah seorang anak boleh mempunyai dua orang ayah? Adakah ini combination dua orang lelaki yang bersahabat dengan seorang wanita dan melahirkan seorang anak? Tetapi saya tengok bila dibangkitkan dalam Parlimen, maka perkara ini telah pun tidak ada. Cuba kita bayangkan, kesan atau implikasinya. Perkara ini akhirnya sudah di haramkan,

Perkara-perkara ini mungkin sukar untuk menangkap oleh kerana kalau adegan, umpamanya adegan "love", itu senang dilihat oleh mata kasar, tetapi kalau ada mesej dan agenda-agenda yang tersembunyi di sebaliknya, sukar untuk kita halusi sekali gus. Jadi, perkara-perkara seperti ini pun kita harus halusi. Pihak kementerian mengatakan tadi dengan ini dia akan memperbesarkan pihak kawalselia. Kita tidak mengharapkan kawal selia dapat menyelia semuanya, tetapi yang kita harap ialah minimise. Oleh kerana pada waktu yang sama sudah semestinya seluruh keluarga akan mempertingkatkan - kalau orang Islam akan mempertingkatkan keimanan anaknya, kalau orang yang bukan Islam mempertingkatkan consonance terhadap moral terhadap prinsip nilai dan sebagainya. Perkara ini adalah perkara yang dimainkan oleh institusi keluarga, tetapi dari pihak kementerian, perkara-perkara yang saya sebutkan harus dihalusi sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sekali lagi saya kembali kepada garis panduan penyiaran tadi. Saya hendak tahu apakah sebenarnya yang tergaris di dalam garis panduan itu? Adakah ini, sekiranya dilanggar akan membawa penalti-penalti tertentu, ataupun garis panduan ini akan dirangkumkan being incorporated kepada mana-mana undang-undang penyiaran yang exist. Perkara ini membawa connotation perundangan supaya mereka yang melanggar garis panduan boleh diadili oleh pihak mahkamah.

Sekali lagi saya mendesak dan ingin saya bertanya di dalam Dewan ini, siapakah yang akan bertanggungjawab kepada dissemination of information menerusi Internet, oleh kerana ini juga adalah penyiaran. Adakah Jaring yang bertanggungjawab atau adakah Kementerian Penerangan yang bertanggungjawab? Sebagaimana saya katakan tadi, lebih kurang 60% daripada perkara yang being downloaded kepada most excess provided adalah perkara-perkara yang lucah - cyberporn, siberporno. Mungkin memang Jaring mempunyai kuasa seperti yang saya kata, untuk menyekat perkara ini, tetapi saya katakan bagaimanakah sekiranya cyberporn ini disembunyikan di sebalik fail-fail yang mempunyai kod yang tertentu yang boleh diperolehi menerusi majalah-majalah yang dikenal pasti oleh pihak subscribers.

Siapa yang boleh menyekat hal-hal ini? Mungkin di sebalik fail yang bernama "Kepong" - dia kata dalam majalah itu, you look for this, you look for Kepong. For Kepong that's mean you've got access to cyberporn, dengan izin. Saya kata, umpamanya, siapa yang mahu meneliti perkara ini? Adakah pihak Mimos yang akan bertanggungjawab kepada perkara ini ataupun pihak Kementerian Penerangan yang akan bertanggungjawab dalam perkara ini? Ini fenomena baru yang harus kita tangani bersama. Tidak harus kita ketepikan, tetapi sebaliknya, kita harus perhatian dan kita harus perincian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

5.08 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut sama membahaskan pindaan bagi Akta



Penyiaran 1988 ini. Tujuan pindaan ini, sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sebentar tadi ialah untuk mengemaskinikan akta tersebut, untuk menyesuaikan keadaannya dengan perubahan-perubahan dan perkembangan dalam bidang teknologi penyiaran semasa.

Saya rasa pindaan ini bukan sahaja patut disokong, malah ia boleh dikatakan, dengan izin, telah overdue. Sepertimana yang kita tahu kemajuan dalam bidang elektronik dan penyiaran ini sudah lama berlaku dan sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sebelum akta ini di pinda pun, kerajaan telah mengeluarkan 3 lesen untuk TV swasta di bawah akta yang lain.

Walaupun pada satu seginya pindaan ini mungkin dianggap sebagai satu percubaan untuk mengawal kemasukan maklumat menerusi satelit dan lain-lain bahan siaran ke negara ini serta menyekat pengaliran keluar secara bebas maklumat dari Malaysia ke seberang laut, tetapi saya rasa, pada jangka panjangnya kesan yang akan diterima daripada akta ini tidaklah begitu mendalam, cuma saya rasa dia hanya boleh mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang ini dari segi jangka pendek.

Namun demikian, usaha ini ataupun inisiatif ini harus dipuji berbanding dengan tiada mengambil sebarang tindakan. Misalnya, untuk mengawal kemasukan bahan-bahan siaran melalui satelit ini, ada sesetengah negara lebih suka ataupun lebih memilih untuk mengamalkan dasar yang liberal iaitu mengamalkan dasar langit terbuka. Dalam hubungan ini kita patut menyokong langkah kerajaan yang telah pun mengambil keputusan untuk tidak mengamalkan dasar langit terbuka. Sebab sesetengah negara yang telah pun mengamalkan dasar ini, misalnya di Britain sendiri, mereka telah berfikir semula, kerana didapati dasar penyiaran yang terbuka yang diamalkan selama ini banyak mendatangkan kemudatan daripada kemanfaatan.

Perkara-perkara yang disuarakan dan dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi misalnya pun berlaku di negara-negara maju - keruntuhan moral, akhlak dan sebagainya akibat daripada pengaruh-pengaruh bahan siaran yang tidak terkawal ini memang sudah terbukti, malainkan kalau kita mempunyai resilience ataupun jati diri yang kuat. Misalnya saya telah melawat sebuah negara Timur Tengah - mereka sebenarnya mengamalkan dasar langit terbuka. Bila saya tanya kenapa anda tidak menyekat kemasukan bahan-bahan siaran yang dianggap menjejaskan moral rakyat tempatan. Mereka jawab, "Benteng kita hanyalah satu iaitu benteng iman".

Saya tidak tahu sama ada keimanan rakyat di negara ini sudah mampu untuk menangkis pengaruh-pengaruh begini. Dan sepertimana yang saya sebutkan pada awal-awal tadi, walaupun pindaan ini pada dasarnya bertujuan untuk mengawal tetapi ini dilakukan hanya menerusi misalnya sepertimana yang saya difahamkan semua siaran-siaran satelit ini setiap pelanggannya akan dikenakan, akan dikehendaki memasang decoder untuk membolehkan mereka menerima signal.

Dan pada masa sekarang ini saya rasa sesebuah decoder itu harganya lebih kurang RM1,000 kalau saya tidak salah, dan dengan itu rasionalnya ataupun harapan kerajaan mungkin ialah hanya golongan-golongan tertentu sahaja mampu untuk membeli decoder ini dan dengan itu jumlah khalayak yang akan menerima siaran menerusi satelit ini ataupun lain-lain bentuk siaran misalnya cable TV macam Mega TV itu, video on demand dan sebagainya sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, hanya terhad kepada golongan yang tertentu yang dianggap mampu, berpendapatan mampu untuk berbelanja begini.

Tetapi saya yakin, lama kelamaan harga decoder ini serupalah dengan harga lain-lain alat teknologi dan alat elektronik yang lain, lama kelamaan akan turun, akan murah dan mungkin akan sampai masanya nanti semua orang boleh beli decoder, orang di kampung pun boleh berlanggan dengan pelbagai siaran, sepertimana yang

disebutkan tadi sebanyak 30 saluran dan masa itu, saya yakin kita akan menghadapi masalah yang kita sebutkan tadi.

Untuk mengawal content rancangan-rancangan yang datang dari luar negara ini memang mustahil. Saya tidak yakin Kementerian Penerangan mampu berbuat demikian, yang boleh mungkin menyekat sebab dia ada delete broadcast mungkin kita menyekat sahaja penyiarannya, tetapi orang yang ada decoder ini dia boleh menerima semua saluran.

Begitu juga dengan misalnya keputusan untuk melesenkan penyiaran ke tempat-tempat tertentu yang di bawah akta ini ditakrifkan sebagai tempat awam, misalnya di hotel-hotel, kondominium, pesawat udara, dalam kapal (vessel) dan sebagainya, itu saya rasa merupakan satu langkah yang baru. Kalau dahulu misalnya di hotel-hotel kita ada siaran Vision Four yang boleh menyiarkan bahan sebeb-bebasnya sehingga bahan-bahan yang lazimnya tidak dibenarkan melalui TV awam disiarkan.

Jadi, dalam hubungan ini peruntukan ini saya rasa patut disokong sebab dengan sendirinya ia akan boleh juga mengawal siaran-siaran pada khalayak-khalayak yang terhad ini. Bagaimanapun, sepertimana yang saya katakan tadi, langkah ini hanya saya rasa langkah sementara dan kerajaan harus memikirkan apakah langkah selanjutnya yang hendak diambil apabila sampai masanya nanti, apabila seluruh rakyat makin banyak rakyat yang mampu untuk berlanggan dengan TV satelit ini.

Saya bersetuju dengan Parit Sulong bahawa kebanyakan daripada bahan-bahan yang datang dari luar negara ini bersifat hiburan dan ini kita tidak hairanlah, sebab kebanyakan daripada program-program itu dibuat di Amerika Syarikat yang memang sebahagian besar daripada rakyatnya suka hiburan. Kalau kita lihat budget di Amerika Syarikat sebahagian besar daripada budget tahunan adalah dihabiskan untuk hiburan.

Saya bersetuju supaya kita sendiri dari segi program-program tempatan, kita mengambil inisiatif untuk melahirkan lebih banyak program-program tempatan yang bermutu, yang kalau boleh biarlah kurangkan hiburan dan kalau pun hendak buat rancangan hiburan biarlah hiburan yang orang kata yang ada 'class' sedikit, jangan hiburan yang murahan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya sendiri tidak faham misalnya siri-siri sitcom sebagai contoh, 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu', saya dapati kebanyakan daripada rancangan-rancangan hiburan dalam Bahasa Malaysia, kalau hendak beri orang suka, hendak beri orang ketawa, ia mesti ada unsur seks dalam dialog dan orang itu mesti bercakap menjerit-jerit, menengking-nengking dengan suara tinggi dan nada tinggi.

Kalau ini dimaksudkan untuk menggambarkan cara orang Melayu berkomunikasi, saya kata 'tidak'. Kita tidak bercakap dengan kawan-kawan, dengan kumpulan kita secara menengking-nengking, menjerit-jerit dengan nada yang tinggi, tetapi saya tak faham kenapa apabila rancangan dalam TV, drama atau rancangan hiburan, karakter yang ada dalam rancangan itu bercakap mesti menjerit, menengking-nengking.

Jadi, kalau orang luar datang, dia lihat seolah-olah inilah budaya orang Melayu, inilah cara kita hidup, bercakap menengking-nengking suara tinggi. Pada hal realiti yang sebenarnya tidak begitu. Jadi, kita minta supaya Kementerian Penerangan cuba melihat perkara ini dan kalau boleh biarlah kita banyakkkan rancangan yang boleh memberi atau memperkayakan ilmu, menambah ilmu para penonton, misalnya rancangan-rancangan yang bersifat 'talk show' harus dibanyakkkan.

Apabila kita bercakap fasal 'talk shows' ini tidak semestinya kita adakan forum, perbincangan biasa macam syarahan, tidak semestinya. Kita boleh buat rancangan yang begini dalam bentuk lain, dalam format yang lain. Jadi, saya tak hendaklah sebutkan apa format itu, ini merupakan saya rasa satu cabaran kepada para produser di stesen-stesen TV tempatan supaya memikirkan bagaimana caranya untuk menarik orang ramai supaya menonton rancangan mereka.

Sebagai contoh, kalau kita lihat rancangan agama misalnya. Kalau dahulu, rancangan agama orang tak suka lihat, ceramah agama dalam TV kalau dahulu orang tutup TV tak mahu lihat, tetapi sekarang satu rancangan yang saya rasa dari segi ratingnya terlalu tinggi ialah Forum Perdana.

Bagi saya, kenapa Forum Perdana ini berjaya, bukan kerana content, tetapi kerana formatnya itu. Formatnya itu dibawa ke luar secara o.b., kemudian ada perbincangan, ada participation ataupun penyertaan daripada orang ramai, dengan sendirinya ia menarik minat.

Jadi, rancangan-rancangan lain yang berbentuk ceramah atau talk shows ini boleh juga diolah begitu rupa, kita fikirkan format, terpulanglah kepada kreativiti para penerbit rancangan itu untuk menarik orang ramai dalam usaha kita untuk mengurangkan rancangan-rancangan yang bersifat hiburan, sebaliknya menambahkan rancangan-rancangan untuk menambah ilmu sesuai dengan hasrat kita untuk melahirkan masyarakat yang berilmu.

Saya tertarik dengan pindaan yang dibuat dalam Fasal 18 yang bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (3) dan (4) ke dalam Seksyen 21 yang membolehkan, sekarang ini keperluan ini hanya diperuntukkan di bawah peruntukan pentadbiran tetapi di bawah cadangan peruntukan ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada akta iaitu membolehkan Yang Berhormat Menteri menapis sebarang iklan sebelum ia disiarkan.

Jadi, saya rasa langkah ini perlu sebab dari segi influence, dari segi pengaruh, saya rasa iklan boleh mendatangkan pengaruh yang amat mendalam terutama sekali kepada kanak-kanak, misalnya dalam hubungan ini tidak hairanlah banyak daripada syarikat-syarikat iklan menggunakan kanak-kanak dalam iklan mereka. Saya sendiri pernah menemui kanak-kanak yang hendakkan satu jenis barangan, dia kata: "Barangan ini bagus kerana TV kata bagus." Jadi, walaupun sebenarnya iklan itu adalah satu usaha untuk mempromosikan barangan, tetapi bagi kanak-kanak ia adalah sesuatu yang benar dan dalam hubungan ini penggunaan kanak-kanak dalam iklan bolehlah kita lihat dari satu segi sebagai penyalahgunaan kanak-kanak.

Kadang-kadang kita lihat kanak-kanak yang sepatutnya berada di bangku sekolah, kita lihat berlakon dalam iklan dan oleh kerana ini mendatangkan kesan yang baik maka tidak hairanlah banyak syarikat iklan yang berlumba-lumba nampaknya menggunakan kanak-kanak.

Jadi, kalau boleh biarlah perkara ini kita kurangkan sebab kalau dahulu penggunaan wanita misalnya ataupun penyalahgunaan wanita dalam iklan menjadi begitu berleluasa. Saya rasa akhir-akhir ini penyalahgunaan kanak-kanak terlampau banyak sangat. Jadi, saya harap semoga Yang Berhormat Menteri yang akan dibekalkan kuasa di bawah fasal ini akan tengok perkara ini supaya lebih prihatin terhadap perkara ini.

Berhubung dengan iklan ini, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang satu lagi program yang saya rasa disiarkan melalui TV1 dan TV3 iaitu dipanggil TV media ataupun penjualan barang-barang melalui TV. Walaupun sebenarnya rancangan ini dibayar oleh syarikat itu dengan tujuan untuk mempromote ataupun menggalakkan penjualan barang-barang mereka, tetapi kadang-kadang oleh

kerana rancangan ini meleret-leret dan terlampau panjang, orang melihat seolah-olah ia sebagai sesuatu yang betul.

Saya ambil contoh, kalau kita lihat selalunya rancangan tengah malam, selepas pukul enam, saya tak ingat pukul berapa, tentang penjualan alat-alat kesihatan ataupun alat-alat untuk beriadah - exercise, smart shop misalnya. Jadi, kita tengok orang yang berlakon di dalam itu seolah-olah ada pula garenti tunjuk begini. Jadi kalau kita tengok di tengah-tengah rancangan itu, kita tidak tahu yang benda ini sebenarnya rancangan yang dibayar. Benda ini sebenarnya sebagai satu iklan.

Jadi saya rasa - saya tak tahu berapa banyak mereka bayar pada kedua-dua stesen TV ini. Kalau boleh, kita berhentikan sahajalah rancangan ini sebab ia boleh mengelirukan atau misleading, dengan izin. Kalau iklan, iklan sahajalah, 5 minit atau 3 minit, jangan beri slotnya begitu panjang dan ia buat program khas untuk menggalakkan penjualan barang-barangnya dan terus order on the spot atau sertamerta melalui telefon.

Jadi, saya minta supaya perkara ini boleh dilihat semula. Yang lain-lain yang dicadangkan dalam pindaan ini saya rasa adalah consequential, misalnya tentang definisi bahan siaran dan definisi alat penerimaan TV dan radio, itu adalah tepat sebab kalau selama ini radio hanya dianggap peti yang mengeluarkan siaran dan TV sebagai alat TV, maka sekarang ini macam-macam alat atau radas yang boleh digunakan untuk menerima bahan-bahan siaran.

Cuma saya ingin menyebut satu perkara, saya tak ingat fasal berapa. Ada satu pindaan tadi yang tujuannya hanya untuk membetulkan ejaan. Fasal berapa tadi? Jadi saya tak tahu kenapa perkara ini berlaku dalam akta asal sampai ejaan pun boleh silap dan kita terpaksa buat pindaan khusus. Fasal 22. Kita terpaksa membuat pindaan khusus hanya untuk membetulkan ejaan. Jadi saya harap perkara ini tak usah berlaku lagi. Bukan sahaja untuk akta ini, tetapi untuk akta-akta lain. Kita harus lebih prihatin terhadap penggunaan istilah, ejaan dan sebagainya sebab ini adalah satu legal document, dengan izin, yang tidak boleh "cincai", dengan izin, kena betul-betul.

Saya rasa itu sahaja yang hendak saya timbulkan dan saya dengan ini, sepertimana yang saya sebutkan pada awal-awal tadi menyokong penuh pindaan ini dengan harapan ia dapat mencapai hasrat yang dicita-citakan iaitu untuk menjadikan masyarakat Malaysia sebuah masyarakat yang well informed, yang bermaklumat dalam usaha kita untuk menyediakan negara ini menjelang tercapainya cita-cita Wawasan 2020.

Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Bandau.

5.26 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996 yang berada di atas meja Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya suatu akta ini amatlah penting sekali dan tepat pada masanya memandangkan ia satu akta yang bertujuan meminda Akta Penyiaran 1988, sesuai dengan perubahan dan perkembangan teknologi media dan teknologi maklumat di zaman ini.

Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini, beliau telah menekankan beberapa perkara sebagai alasan kenapa perubahan kepada Akta Penyiaran 1988 itu perlu dilaksanakan dan dua perkara yang telahpun ditekankan. Antara perkara yang telahpun ditekankan iaitu akses kepada

maklumat adalah penting kepada masyarakat dan kepada negara kita dan kedua, soal pengawalan bahan-bahan siaran.

Di dalam perkara ini, memanglah kita setuju betapa pentingnya soal akses kepada maklumat atau information access, dengan izin, kerana di zaman ini, soal access information atau akses kepada maklumat adalah tulang belakang kepada pembangunan sosio ekonomi di mana-mana masyarakat di dunia ini dan khususnya bagi masyarakat yang sedang membangun, termasuklah negara kita. Ini tidak boleh dinafikan.

Dari segi para pemikir ekonomi, khususnya dari segi pentadbiran ekonomi, maka soal maklumat itu adalah soal asas sekali kerana full information, dengan izin, ialah membantu dari segi membuat rational decision making, ataupun membuat keputusan yang rasional dari segi soal pasaran, merancang permintaan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, soal pentingnya maklumat ini, memang kita semua setuju, tetapi soal pokoknya ialah apa jenis maklumat kerana ada jenis maklumat yang tidak semestinya baik kepada masyarakat. Berdasarkan kepada apa yang terdapat di dalam media termasuklah Internet dan apa yang tersiar di dalam televisyen, khususnya di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat nasional, ada beberapa jenis maklumat yang biasanya masyarakat terdedah.

Satu jenis maklumat ialah maklumat yang ada kaitan dan gunanya dari segi pendidikan dan pengajaran, dengan izin, educational information seperti yang terdapat di dalam maklumat mengenai dengan sains dan teknologi, mengenai pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat antarabangsa dan negara-negara lain, ia juga menjadi maklumat yang boleh digunakan sebagai rujukan oleh para pelajar dan juga para akademik dan intelektual dan juga jenis maklumat pendidikan yang ada kaitan dengan cost cultural information, dengan izin, iaitu dari segi pengenalan kita tentang budaya masyarakat lain di dunia ini. Semuanya ini boleh digolongkan sebagai maklumat pendidikan ataupun educational information, dengan izin.

Ada juga pula jenis maklumat yang kita katakan sebagai imformasi biasa, ini 'just for awareness news', dengan izin, apa yang sedang terjadi di rantau sekeliling kita atau di bahagian dunia yang jauh daripada kita yang boleh menambahkan apa yang dikatakan 'awareness' tentang apa yang terjadi di sekeliling kita.

Satu lagi pula jenis imformasi ialah imformasi budaya yang memberi kita pendedahan tentang budaya negara-negara asing, cara mereka hidup, cara mereka mentadbir negara mereka dan seterusnya corak hidup para bangsa lain dan masyarakat umum keseluruhannya.

Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, di dalam semua jenis maklumat yang saya sentuhkan itu kebanyakannya adalah jenis maklumat yang positif, tetapi ada juga khususnya dari segi soal budaya Barat, corak-corak kehidupan mereka dan sifat-sifat masyarakat yang dikatakan telah maju tetapi tidak semestinya sifat-sifat masyarakat tersebut itu baik untuk negara dan masyarakat kita.

Soal-soal dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain tadi amatlah penting. Soal seks, soal violence, sebahagian daripada jenis-jenis maklumat ataupun apa yang kita dapati daripada peti televisyen dan juga daripada Internet yang tidak semestinya baik untuk budaya kita. Gambar-gambar wanita miskin yang bajunya tak cukup adalah tidak baik untuk budaya kita pada keseluruhannya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini soal apa jenis maklumat itu amatlah penting, bukan sekadar semua maklumat itu adalah baik untuk pembangunan negara kita. Maka dalam perkara ini, soal menapis (filteration) maklumat yang boleh membantu sebenarnya untuk pembangunan negara kita, termasuklah semua bidang khususnya bidang-bidang pembangunan seperti bidang pendidikan, ekonomi, media dan maklumat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalan yang timbul ialah bukan sahaja jenis maklumat yang asas dan perlu diberi perhatian tetapi bagaimana maklumat itu digunakan oleh masyarakat kita? Tiada satu soal sekadar untuk mengetahui tentang sesuatu maklumat, tetapi soalan kedua ialah bagaimana maklumat itu digunakan? Adakah digunakan untuk kebaikan negara kita ataupun tidak digunakan sama sekali ataupun digunakan untuk tujuan lain yang tidak membangun daripada memberi sumbangan kepada pembangunan negara kita? Maka, 'the use of information', dengan izin, adalah satu persoalan pokok juga yang penting dan harus diambil kira oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, namun pada keseluruhannya kita adalah bersetuju bahawa tindakan kerajaan untuk meminda Akta Penyiaran 1988 ini memanglah kita setuju bahawa ini adalah wajar sesuai dengan pertumbuhan asalkan perkara-perkara yang telah kita sentuhkan itu diambil kira oleh pihak kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lain dari segi pelaksanaan dasar ataupun rang undang-undang ini hendaklah juga diambil kira. Satu daripadanya yang disentuh juga dalam ucapan Yang Berhormat Menteri semasa beliau membentangkan rang undang-undang ini ialah soal mengawal bahan-bahan siaran. Di dalam perkara ini, soal mengawal bahan-bahan siaran kita berpendapat bahawa usaha setakat ini yang dilakukan oleh kementerian tersebut belum lagi sampai ke tahap yang mencukupi kerana kita lihat dengan program-program dalam TV3 dan juga RTM1 dan RTM2 masih banyak siaran yang harusnya dikawal, antaranya ialah soal advertisement oleh para kompeni atau syarikat yang mengeluarkan rokok dan produk-produk yang berkaitan.

Kita melihat walaupun secara spesifik mereka tidak menyebutkan jenis rokok tetapi ada kelihatan bahawa melalui tajaan-tajaan mereka ini perkataan-perkataan ataupun nama-nama jenis rokok mereka itu dengan begitu ketara sekali diberi tumpuan di dalam sesuatu siaran tersebut. Jadi, dalam perkara ini kita berpendapat bahawa soal mengawal bahan-bahan siaran yang memang tidak memberi sumbangan terus kepada pembangunan negara hendaklah dipertingkatkan dan diketatkan oleh pihak kementerian.

Pada masa yang sama juga banyak siaran di mana jumlahnya terlampau banyak dari segi iklan-iklan ini. Kadang-kadang filem yang bermutu baik dari segi content pendidikannya dikacau oleh siaran-siaran iklan-iklan yang begitu kerap kali dikeluarkan. Walaupun dalam perkara ini kita sedia maklum bahawa ada syarat-syarat yang ditentukan, setiap beberapa minit barulah iklan itu dikeluarkan tetapi ada kes-kes di mana begitu kerap sekali dan tidak menurut peraturan yang ditentukan oleh pihak Kementerian Penerangan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini haruslah diambil kira dan apatah lagi apabila dengan adanya perubahan kepada rang undang-undang ini yang mana masyarakat biasa apabila mendapat lesen bolehlah memasang parabola dan memasang alat penerimaan siaran. Maka kebanyakan yang diterima melalui satelit ini terus kepada peti televisyen mereka adalah siaran-siaran yang kita berpendapat susah bagi pihak kementerian untuk menapisnya, termasuklah iklan-iklan (advertisement) yang termasuk dalam filem-filem yang disiarkan oleh pemancar filem tersebut kerana dengan adanya alat-alat penerima siaran ini nanti.

Saya ingin bertanya bagaimanakah nanti pihak kementerian mengawasi dan mengawal iklan-iklan dalam sesuatu siaran itu yang diterima terus daripada angkasa melalui satelit? Saya rasa persoalan ini sangatlah penting sebab walaupun pihak kementerian akan menapis jenis siaran keseluruhan dari segi kategori kasar tetapi isi kandungan dan iklan-iklan yang dimasukkan dalam mana-mana siaran yang dipancarkan daripada negara asing ini nanti amatlah susah bagi kementerian untuk menapis. Jadi, kita bertanya apakah langkah-langkah pihak kementerian nanti supaya

iklan-iklan yang dimasukkan dalam siaran-siaran tersebut dapat ditapis dan dikawali oleh pihak kementerian?

Soal content siaran sendiri belum lagi dibicarakan dan ini juga satu soalan yang amat penting bagi kementerian untuk memberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berpendapat bahawa sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat lain iaitu dari segi isi kandungan (content) siaran-siaran nanti, soal nilai-nilai budaya Barat yang tidak menguntungkan negara kita hendaklah diberi perhatian tanpa mengkompromikan keinginan kita untuk mendapat maklumat yang tepat dan berguna kepada pembangunan negara kita khususnya di bidang pendidikan. Soal-soal siaran yang mempunyai keganasan (violence), siaran-siaran yang ada kaitan dengan pengeluaran yang tidak baik dan kotor hendaklah diberi perhatian.

Kadang-kadang dari segi filem-filem jenaka pun banyak kata-katanya kotor dan tidak baik untuk didengar oleh anak-anak kita, budak-budak kecil dan pelajar-pelajar yang masih muda walaupun dari segi bentuk jenaka. Kadang-kadang kita melihat dalam program televisyen yang sedia ada sekarang ini pun ada juga program di mana penapisannya itu tidak sempurna, sampailah perkataan-perkataan "mercy", perkataan yang tidak seharusnya didengar oleh masyarakat khususnya anak-anak kecil dan budak-budak sekolah tidak tertapis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh soal yang berikutan dengan pelaksanaan rang undang-undang ini nanti yang mana masyarakat biasa bolehlah memohon melalui prosedur-prosedur yang tertentu untuk mendapatkan lesen dan permit untuk menerima siaran satelit dan melalui parabola dan seterusnya.

Saya ingin bertanya apakah kedudukannya nanti bagi orang-orang biasa yang sekarang ini telah mendapatkan parabola tanpa kebenaran daripada kementerian? Saya dengar pada tahun ini sama ada betul atau tidak, di negeri Sarawak khususnya, puluhan ribu orang mempunyainya kerana ia berdekatan dengan Brunei. Tidak terkeluar juga kerana di negeri Sabah pun ramai yang mempunyai parabola-parabola khususnya para pembalok di tengah hutan dan seterusnya. Jadi, bagaimanakah kementerian akan mengambil kira perkara ini dari segi pelaksanaan dasar ini?

Mengikut maklumat yang telah pun dikemukakan, mempunyai satu parabola memanglah salah dari segi undang-undang, tetapi apakah tindakan kerajaan nanti kepada mereka yang mempunyai dengan begitu banyak di kalangan masyarakat bukan sahaja di Sabah dan Sarawak bahkan di Semenanjung? Saya difahamkan orang-orang kenamaan pun mempunyai parabola secara haram. Jadi, adakah diberikan satu amnesty supaya mereka ini memperolehi kebenaran dan diberi pengampunan untuk mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh kementerian tanpa mengambil tindakan kepada mereka ataupun bagaimana? Saya berpendapat bahawa golongan ini adalah golongan yang besar juga dan ada kemungkinan di kalangan mereka ini betul-betul memerlukan alat penerima siaran itu, kerana di kampung tersebut tidak dapat pancaran dari TV1, TV2, TV3 dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara itu, khususnya sebagai pegawai kementerian kita minta juga dari segi penapisan nanti, dari segi mengawal bahan-bahan siaran supaya maklumat yang lebih berguna kepada pembangunan negara diutamakan. Soal-soal informasi ataupun maklumat yang berasaskan kepada pendidikan diberi keutamaan. Kalau boleh soal-soal dan program-program yang berasaskan kepada pendidikan jangan diganggu dengan iklan-iklan. Walaupun kita sedia maklum, pihak Kementerian Penerangan mendapat jutaan pendapatan (income) daripada pembayaran iklan-iklan, tetapi kalaulah kementerian mementingkan soal pendapatan sahaja dan tidak mengambil kira soal penggunaan maklumat, jenis maklumat yang diterima oleh rakyat, yang didapati oleh rakyat, maka kita berpendapat bahawa tanggungjawab itu belum dipenuhi secara sempurna.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat penting sekali di zaman kita sedang terus maju ke hadapan dan pentingnya maklumat untuk pembangunan negara, bukan sekadar jumlah maklumat sahaja, bahkan jenis maklumat dan penggunaan maklumat itu sangatlah penting. Kita berharap juga memandangkan masalah-masalah pemancaran di sebelah Timur di Sabah dan Sarawak itu adalah begitu jauh dari bandar-bandar terpencil kerana infrastruktur asas tidak ada, begitu jauh dari bandar-bandar besar disebabkan kekurangan infrastruktur yang asas. Jadi, pihak kementerian juga hendaklah mengambil kira dengan adanya akses kepada maklumat ini tidak 'becomes inequitable', dengan izin, hanya sekadar kepada mereka yang sudah maju, tetapi mereka yang masih lagi terkebelakang terus terkebelakang. Maka dengan begitu, pihak kerajaan diharap sambil membangunkan sektor maklumat, maka sektor-sektor asas seperti sektor infrastruktur dan sektor ekonomi hendaklah terus dimajukan setaraf dengan kemajuan dalam sektor media atau maklumat ini supaya semua rakyat kita maju dan bukan pula perkara informasi dan akses maklumat ini menjadi alasan sebagai pembeza antara rakyat yang maju dan rakyat yang mundur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan seperti itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Bintulu.

5.46 ptg.

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penyiaran 1988 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan dalam hubungan ini saya ingin membangkitkan beberapa isu semasa yang ada hubung kait dengan penyiaran.

Sebagai Ahli Dewan Rakyat dari negeri yang mana antena parabola telah dipakai dan diuji secara meluas tanpa diheboh-heboh, saya mendapati anggapan yang menyatakan bahawa penyiaran tanpa tapisan nilai-nilai hidup Barat akan meracuni pemikiran atau minda penonton terutama anggapan dan kebimbangan yang para penonton akan menjadi 'gila seks' adalah anggapan dan sangkaan yang tidak benar. Ia bertentangan dengan apa yang sebenarnya berlaku di Sarawak. Para penonton di Sarawak telah membuktikan bahawa mereka telah menunjukkan reaksi dan kelakuan yang dianggap baik, tidak pernah dilaporkan wujudnya peningkatan jenayah seks di negeri itu sebagai kesan penyiaran tanpa tapisan antena parabola.

Sebenarnya rakyat yang mempunyai antena ini mendapat manfaat dari beberapa cara iaitu:

- (i) Para penonton telah didedahkan dengan maklumat yang cukup meluas dari berita-berita luar negeri, peristiwa hinggalah kepada dokumentari dan pada akhirnya akan memperkayakan para penonton dengan pengetahuan mengenai peristiwa yang berlaku seluruh dunia. Dalam era maklumat-maklumat terkini, mereka bukan sahaja mengetahui apa yang berlaku dalam negara sendiri, tetapi bagaimana kita dihubungkan dengan bahagian lain dunia dan kita menyedari betapa pentingnya globalisasi.
- (ii) Para penonton mempunyai pelbagai pilihan dari aneka program, mereka terpaksa membuat keputusan yang bijak untuk memilih saluran mana dari aneka program tersebut seperti berita, hiburan, dokumentari, keganasan, filem berunsur seks yang terbaik sahaja dipilih. Apa yang baik



menjadi santapan rohani dan minda dan apa yang boleh meracuni minda penonton.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti orang ramai boleh dan mampu memutuskan sendiri apa yang baik dan apa yang buruk. Adalah lebih baik daripada diberitahu apa yang baik atau apa yang buruk bagi sebuah negara yang menuju kematangan seperti negara kita.

- (iii) Di Sarawak hiburan adalah kurang berbanding di Semenanjung. Apabila menjelang malam, bandar-bandar seperti mati, para penduduk tidak tahu apa hendak dibuat atau tidak tahu ke mana hendak pergi. Itulah sebabnya kemunculan antena parabola, menyediakan hiburan yang baik kepada keluarga dan kehidupan malam di luar rumah dapat dikurangkan.

Kita kini sedang memasuki era dan revolusi angkasa dan teknologi maklumat. Kita tidak perlu bimbang dan takut jika rakyat kita menyaksikan peristiwa yang berlaku di negara lain. Ini sebenarnya membantu rakyat kita memahami perkembangan, kecenderungan dan pembangunan yang melanda seluruh dunia. Ia juga membantu menjadikan kita lebih sedar bagaimana mencintai negara sendiri dan sesama rakyat secara lebih baik.

Apabila kita menyaksikan program pembangunan dan kemajuan di negara lain, kita boleh mempelajari untuk membangunkan negara kita secara lebih baik, dan jika kita menyaksikan sesuatu bahaya dan bencana, kita mahu melindungi diri kita dari berlaku di sini. Saya gembira kerana menerusi Measat Broadcast Network System Sdn. Bhd. (MBNS), kita berupaya menyaksikan banyak rancangan ataupun program yang dipancarkan menerusi antena parabola. Akan tetapi saya tidak melihat apa-apa alasan mengapa setelah mempunyai MBNS sekarang kita harus memusnahkan semua antena parabola di Sarawak ataupun di Sabah dan ditukarkan kepada antena parabola 24 inci yang memakai perkhidmatan MBNS. Langkah itu bukan sahaja tidak perlu tetapi membazir, kerana membuang 20,000 set antena parabola di Sarawak dan alat penerima yang lama. Mereka yang mempunyai antena parabola 6 meter lama hendaklah dibenarkan menggunakannya. Dengan lain perkataan, ia hendaklah dibenarkan di sisi undang-undang.

Banyak syarat dan kaedah boleh dirangka untuk menguatkuasakan dan mengawal penggunaan antena parabola 6 meter menerusi pelesenan dan fee yang dibayar atau peralatan khas ini boleh digunakan di bawah lesen untuk tujuan khusus atau kawasan khusus. Dengan menguatkuasakan undang-undang yang menghadkan pemakaian hanya antena parabola 24 inci, seolah-olah kita mengikat tangan dan kaki kita sendiri. Di Amerika Syarikat misalnya, rakyat di sana tidak memakai antena berukuran 24 inci. Pada masa depan ukuran antena parabola bergantung dan berubah dari satu saiz ke satu saiz.

MBNS telah mengenakan bayaran sejumlah RM1,680 untuk pemasangan satelit TV. Bagi sebahagian besar rakyat Malaysia ini masih merupakan satu pelaburan. Peraturan hendaklah dibuat bagi membenarkan bayaran secara ansuran diterima daripada pelanggan golongan-golongan berpendapatan rendah kerana mereka tidak kurang juga selera untuk mendapatkan hiburan. Yuran mandatori RM80.00 setiap bulan barangkali bolehlah diperkenalkan menerusi kaedah bayar setiap tontonan. Masih terdapat banyak keluarga, terutama di Sarawak yang tidak berkemampuan memasang satelit TV. Ini menjadi penting apabila rangkaian utama TV kita masih menjadi tulang belakang sumber maklumat, pendidikan, hiburan, sukan dan lain-lain untuk rakyat. Misalnya, untuk sebahagian besar kaum Dayak, sekurang-kurangnya adalah wajar diterbitkan siaran Berita dalam bahasa Iban supaya hak mereka untuk

mendapatkan maklumat terkini mengenai sesuatu peristiwa tidak diketepikan, kerana masih ramai lagi kaum tersebut tidak memahami bahasa Melayu disebabkan tidak berpeluang belajar, terutama generasi tua.

Siaran dalam bahasa Iban bukan sahaja akan membantu sebahagian besar kaum Iban bersaing dengan kemajuan negara dan seluruh dunia, tetapi juga semakin kerap bahasa itu dipakai. Ia akan membantu memelihara dan mengekalkan budaya Iban dan kepelbagaian kebudayaan dalam negara kita. Begitu juga program Cina yang menggunakan bahasa Kantonis untuk perbualan. Program-program seperti ini patut menggunakan bahasa Mandarin. Orang-orang Cina Sarawak kurang memahami Kantonis. Kebanyakan mereka bercakap Fuchow dan Kek. Bahasa Mandarin adalah bahasa untuk semua dialek bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, banyak bandar utama di Sarawak boleh menerima siaran TV1, TV2 dan TV3. Namun begitu, masih terdapat banyak kawasan yang mana siaran TV3 tidak diterima. Misalnya, saya sendiri tinggal di Bintulu dan kami tidak boleh menerima siaran TV3. Ini telah lama dialami sejak TV3 mula dilancarkan di Sarawak kira-kira 10 tahun lalu. Sebahagian besar penduduk Bintulu merasa kecewa kerana di bandar-bandar lain boleh menerima siaran, tetapi tidak di Bintulu. Akibatnya banyak program TV3 yang menarik tidak berpeluang ditonton dan dinikmati oleh penduduk Bintulu. Lebih-lebih lagi banyak program sukan disiarkan menerusi TV3, bukan TV1 dan TV2. Keadaan ini begitu teruk dan menyebabkan kegilaan di kalangan remaja, terutama peminat sukan yang dahagakan hiburan yang baik dan sihat, tetapi mereka tidak boleh mendapatkannya.

Saya masih ingat tidak lama dahulu apabila Piala Dunia hanya disiarkan menerusi TV3 sahaja. Peminat bola sepak Bintulu begitu marah kerana mereka terpaksa merayau macam kucing malam pergi ke rumah orang yang mempunyai antena parabola, semata-mata untuk menonton program tersebut. Tidak hairanlah bahawa pada bulan September tahun 1988 Ketua Pegawai Eksekutif Petronas membuat komen tentang orang Sarawak yang enggan bekerja di Bintulu. Mengapa hal ini terjadi, kerana Bintulu merupakan satu kawasan tandus hiburan sehingga siaran TV3 tidak dipancar dan diterima di sana. Masih terdapat ramai rakyat Sarawak yang tidak mampu memiliki satelit TV, dan inilah menjadi sebab mengapa TV3 patut disiarkan di Bintulu supaya mereka yang hanya mampu mengikuti siaran TV1 dan TV2 boleh juga menerima siaran TV3, memandangkan bayaran lesen tahunan hanya RM24.00 sahaja.

Menerusi cara ini sahajalah siaran kebangsaan tidak dapat sampai ke setiap orang, dan setiap orang pula mempunyai hak untuk menyaksikan atau menonton setiap rancangan dan rangkaian siaran TV. Mereka yang berkemampuan bolehlah menonton satelit TV, tetapi bagi mereka yang tidak mampu, sekurang-kurangnya mereka masih mempunyai pilihan untuk menonton siaran TV1, TV2 dan TV3. Setiap sidang Parlimen yang lalu, saya kerap membangkitkan masalah siaran TV dalam teks ucapan saya atau sebagai soalan untuk jawab mulut, kerana betapa pentingnya masalah ini diselesaikan bagi penduduk-penduduk Bintulu yang melihat hal ini dengan serius, tetapi sehingga hari ini masih belum diberi perhatian yang sewajarnya.

Apabila Perdana Menteri sendiri berada di Bintulu, beliau telah ditanyakan bilakah penduduk Bintulu akan mendapat kemudahan siaran TV3? Jawapan beliau ialah, 'itu kena tanya TV3.' Mengapa perlu menanya TV3, sedangkan sebagai Perdana Menteri, kedudukan beliau mengatasi TV3 ataupun TV3 berada di luar kawalan kementerian. Saya harap kita tidak lewat-lewatkan lagi perkara ini kerana telah lebih kurang 10 tahun penduduk-penduduk Bintulu dinafikan hak menonton siaran TV3. Satelit TV tidak boleh menggantikannya kerana masih ramai penduduk yang tidak mampu memasang satelit TV, malah jika satelit TV dipasangkan pun, mereka masih tidak boleh menerima siaran TV3. Saya tidak pasti bahagian-bahagian lain di Sarawak, barangkali ada tempat yang menerima siaran yang jelas dan ada yang tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu berada di Kuala Lumpur, saya sempat mengikuti siaran TV3 dan saya mendapati program 'Jejak Kasih' yang disiarkan setiap pagi patut diberi pujian dan penghargaan. Saya difahamkan TV3 telah berjaya mempertemukan banyak keluarga yang terpisah sehingga keluar negara, dan sudah terpisah selama berpuluh-puluh tahun lamanya. Ia bukan sahaja mempertemukan keluarga-keluarga Melayu sahaja, tetapi pertemuan saudara dan keluarga ini merentasi semua kaum. Usaha murni ini wajarlah diteruskan bagi menyambung ikatan silaturahmi untuk keluarga yang terpisah berpunca dari berbagai sebab-musabab. Malah saya mendapati program dan persembahan TV3 sungguh menarik, lebih menarik dari TV1 dan TV2 yang mendapat perhatian dan tontonan semua lapisan masyarakat. Walaupun usia TV3 masih muda, tetapi program dan persembahannya sesuai dengan selera masa kini. Malangnya rancangan-rancangan ini tidak ditonton oleh penduduk-penduduk Bintulu.

Namun begitu saya ingin membuat teguran supaya laporan-laporan berita TV3 yang membuat liputan kegiatan parti-parti pembangkang tidak berat sebelah. Kalau TV3 hendak bersikap adil kepada parti-parti pembangkang, mereka tidak boleh membuat sedutan ucapan yang lari dari maksud asal ucapan seseorang pemimpin. Ucapan-ucapan yang diberi kesempatan untuk siaran hendaklah lengkap bagi membolehkan penonton memahaminya. Apa yang berlaku sekarang sedutan ucapan sedikit, tetapi ulasan lebih panjang dan menyimpang dari maksud asal. Maksud saya, berita yang disiarkan itu biarlah betul dan tepat, bukan ditokok tambah atau diubah sesuai dengan selera kerajaan. Hal yang sama dipraktikkan juga oleh RTM. Mereka bukan sahaja menafikan hak rakyat menerima maklumat lengkap, tetapi mereka langsung tidak memberi kebebasan supaya berita-berita pembangkang disiarkan oleh RTM, kecuali bagi maksud dan kepentingan mereka sendiri.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sipitang.

**6.02 ptg.**

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan cadangan pindaan Akta Penyiaran 1988 ini. Saya rasa ini memang tepat pada masanya supaya pindaan ini dilakukan, memandangkan perubahan zaman penyiaran yang ada pada masa kini daripada cara klasik yang lalu dan berbagai-bagai cara penyiaran yang ada pada masa kini. Kalau dahulu rangkaian kerajaan cuma ada rangkaian TV dan radio sahaja, tetapi sekarang berbagai-bagai rancangan swasta, TV swasta, TV kabel dan ada pula sekarang rancangan-rancangan tayangan melalui Multimedia Supercorridor, Internet dan sebagainya.

Siaran memang begitu kuat pengaruhnya untuk menambah ilmu pengetahuan dan juga untuk pembelajaran. Alat-alat penyiaran ini begitu penting pada masa ini dan jikalau kita tidak mengetahui tentang siaran ini kita akan ketinggalan. Begitu juga dengan penyampaian teknologi-teknologi moden untuk merubah pembangunan sosio-ekonomi sesuatu negara, begitu banyak disiarkan ataupun disampaikan melalui siaran, tetapi apa yang saya lihat pada pindaan ini kebanyakan bertujuan untuk menyelesaikan masalah perlesenan dan legality, dengan izin.

Ada dua isu besar yang perlu diambil kira dalam pindaan ini iaitu tentang masalah sosial, di samping alat penyiaran ini untuk merubah pembangunan ekonomi dan juga untuk memajukan sesuatu negara tetapi kesan sosialnya juga perlu kita lihat. Kalau kita membaca surat khabar hari ini, di Amerika, muka pertama *New Straits Times*, setiap 3 minit satu jenayah dan setiap 24 minit satu kes rogol berlaku. Tentunya ini ada kaitan dengan ikutan ataupun yang ditiru daripada siaran-siaran, baik mereka melihat dari siaran itu ataupun mendengar. Kita tidak mahu perkara seperti ini

akan menjadi perkara biasa di negara kita di masa akan datang tanpa memikirkan lebih awal tentang akibat yang akan berlaku nanti.

Kalau dahulu soal-soal perkara yang sulit-sulit, kita cuma dengar dari cerita, tetapi sekarang melalui alat-alat media yang moden ini, misalnya, ensiklopedia, dalam disk yang dijual dan diedarkan, kita boleh melihat - kalau kita katakan alat jantina itu apa dia, dia tunjuk, gambarnya tersedia dan kalau ada aksi-aksi tertentu, kita boleh melihat sendiri bagaimana. Kalau dia kata tumbuk, macam mana tumbuk itu berlaku. Jadi, ini memudahkan mereka yang tidak tahu apa-apa - dapat mengetahui. Begitu juga dengan aksi-aksi lain. Pernah saya terbaca di suatu surat khabar di mana anak muda melihat melalui Internet bagaimana cara membuat bom. Dan anak ini melalui alat media ini membuat bom - dia meniru bom itu dan bom itu betul-betul meletup dan mencederakan dia sendiri dan orang lain. Begitu juga dengan kes-kes yang lain. Perkara ini bukan baru kita dengar dan ia hari-hari berlaku. Ini saya rasa yang perlu kita pertimbangkan juga ialah akibat sosial ataupun cara-cara kawalan yang mungkin tidak diterangkan di sini.

Isu kedua ialah keadilan siaran. Di samping kita ingin meminda akta ini, ingin memberi lesen kepada TV kabel, TV satelit, tetapi kita mesti sedar di negara kita dan kementerian harus sedar sepertimana yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi, banyak lagi kampung-kampung yang tidak dapat melihat televisyen, yang tidak boleh menerima siaran.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya, cuma TV1 sahaja yang ada, TV2 ada tetapi yang keluar garis-garis, TV3 jauh sekali.

**Beberapa Ahli:** Dia goyang, goyang!

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Kawan-kawan kata "goyang-goyang" siarannya. Apa lagi TV3 belum ada. Adalah mereka yang duduk di atas bukit dengan antena yang tinggi dengan buluh atau batang paip. Jadi ini menyusahkan dan perkara dalaman seperti ini perlu kita selesaikan terlebih dahulu ataupun kita selesaikan serentak. Kita tidak mahu ada ketidakadilan dalam siaran ini untuk mendapatkan maklumat kepada orang-orang di kampung. Kerajaan akan mengatakan kita mesti beri siaran, mesti beri pengetahuan, perubahan sana, perubahan sosial, perubahan sikap, tetapi perubahan sikap ini tidak sampai kepada mereka. Mereka tidak boleh melihat dan tidak boleh menonton dan saya khuatir nanti akan terjadi apa yang dikatakan, dengan izin, cultural shock. Mereka tidak melihat yang asal, yang awal, tetapi terus melihat melalui satelit dengan siaran-siaran yang canggih dan membuat mereka terkejut dengan perubahan yang mereka lihat. Ini kita tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini perlu kita selesaikan. Walaupun perlu peruntukan, perlu tambahan pancaran, ini kita kena buat. Memang selalu jawapan yang diberi - perkara ini akan selesai apabila Measat dilancarkan dan kita harap ia akan menjadi kenyataan bila ia dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, soal stesen siaran yang akan dibuat stesen penyiaran, alat penyiaran, pemberian lesen - ini ada cara bagaimana kita memberikan orang-orang tertentu ataupun kumpulan tertentu untuk menyiarkan, tetapi yang paling penting adalah isi kandungan siaran tersebut, sepertimana yang banyak dipersoalkan, iaitu bahan yang disiarkan itu. Apakah bahan yang disiarkan itu boleh membantu membangunkan masyarakat atau sebaliknya meruntuhkan masyarakat. Jadi, ini perlu kita kaji dan perlu kita timbang sedalam-dalamnya. Bagaimana cara kita mengawal isi kandungan siaran ini supaya tidak merosakkan masyarakat kita Malaysia. Tentang cara untuk menyampaikan itu berbagai-bagai cara seperti yang dikatakan tadi - TV, radio, kabel, Internet dan sebagainya. Tetapi bagaimana cara untuk kita mengawal. Di samping secara konvensional cara kawalannya, perkara-perkara cara kawalan secara imosional dan secara rohani juga perlu ditekankan dari semasa ke semasa.

Tidak mungkin dalam teknologi pada masa ini kalau kita lihat banyak anak muda membawa CD (Compact Disk), kerana dahulu Compact Disk 12 inci garispusatnya, sekarang ini 4 inci garispusat boleh melihat berbagai-bagai rancangan, wayang gambar dan sebagainya. Kita tidak hairan berbagai-bagai anak muda membawa 4 atau 5 disk untuk mereka tonton melalui TV ataupun TV set di rumah dengan isi kandungannya tanpa screening ataupun tanpa tapis. Kita heboh di panggung wayang itu tapis, dicensored ataupun dipotong di sana sini, tetapi melambak di pasaran, beribu-ribu disk yang tidak ditapis.

Jadi, bagaimana cara kita mengawal dan ini terdedah di kawasan saya, orang kampung sudah tahu apa itu adegan-adegan yang menjolok mata anak-anak muda, adegan-adegan canggih dan ini menjadi ikutan dan saya khawatir ia akan menjadi perkara biasa dan sebab itulah susah untuk kita mengawal perkara-perkara seperti ini.

Jadi, bagaimanakah cara kita mengawal isi kandungan siaran? Itu yang penting. Tentang bahan siaran ini kita tidak peduli. Itu memang berlaku. Yang saya katakan tadi, soal rohani, soal bagaimana benteng rohani ini perlu kita pertingkatkan lagi untuk mengawal kerosakan akhlak yang sekian hari semakin berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan siaran juga, yang saya katakan tadi, bahan-bahan keluaran tempatan, di samping bahan-bahan import melalui compact disc, melalui tayangan-tayangan yang tidak bersempadan ini, melalui Internet, ini kita kawal, tetapi barang yang peliknya juga, bahan-bahan tempatan yang dikeluarkan seperti yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi, banyak juga yang tidak sesuai. Kalau kita melihat, duduk dengan orang tua, dengan ayah kita, kadang-kadang kita tersinggung adegan-adegan itu lebih-lebih lagi kanak-kanak, dia kata: "Dia buat apa?" Kita cakap: "Dia sayang, itu sahajalah." Jadi, susah untuk kita melihat adegan-adegan sebegini.

Jadi, betullah sekarang ada rating "U" (universal), macam-macam rating di sana sini, tetapi kadang-kadang perkara ini agak sukar untuk kita menghindari.

Jadi, bahan-bahan itu yang dikeluarkan oleh orang-orang tempatan pun kadang-kadang susah untuk kita melihat dan terdapat juga bahan-bahan ataupun fakta-fakta yang tidak tepat, perkara-perkara yang tidak tepat dan ada juga perkara-perkara yang bertentangan dengan sistem pembangunan budaya kita.

Saya melihat satu iklan Breeze, dia kata: "Suami saya seorang doktor, suami saya berlumuran dengan darah." Doktor ini jarang juga dia berlumuran dengan darah kerana bila kita di bilik operasi kita ada baju-baju khas, kita tidak bawa ke rumah, bila musim operation, kecuali kita merawat kes-kes accident.

Jadi, iklan itu kurang .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun, Yang Berhormat. Ada yang bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, berlumuran dengan darah ini, saya hendak tahu apa jenis darah bila seseorang itu berlumuran darah, mungkin kadang-kadang doktor dalam perjalanan balik ada kemalangan, dia tolong bantu. Jadi, kawan itu penuh darah di baju dia ataupun bila doktor buat operation mungkin baju yang dipakai untuk dibedah itu berlumuran dengan darah.

Jadi, barangkali Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, dia kena ceritalah apa yang berlumuran dengan darah itu, fasal darah ini macam-macam cara darah Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya?  
*[Ketawa]*

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Yan, dia prihatin tentang isu darah ini. Jadi, tadi sebenarnya ada Timbalan Menteri Kesihatan dia tahu lebih banyak, fasal darah ini kita kadang-kadang untuk masuk bilik operasi ataupun bilik bedah, kita ada baju khas, kita tidak pakai baju seperti ini.

Jadi, kecuali kalau kita terserempak dengan kes-kes kemalangan di jalan raya atau di wad, ataupun misalnya kadang-kadang kita buat suntikan, tiba-tiba jarum itu terlucut, kadang-kadang saya pun pernah darah merecik ke baju apabila jarum itu terlepas daripada getah, kita ada kawan-kawan doktor di sini ramai juga.

Jadi, perkara seperti ini jarang-jarang berlaku. Jadi, baju yang kena darah yang dicuci dengan Breeze itu sesuai kalau dia ini penyembelih lembu, kalau dia tukang sembelih lembu mungkin dia pakai baju biasa. Jadi, inilah perkara-perkara yang tidak betul.

Begitu juga dengan hal-hal yang lain misalnya selalu saya katakan, isu-isu, drama-drama yang kita lihat, soal korporat kadang-kadang kita menjadi terasa lucu sama ada siaran ini betul atau tidak? Sebab itu saya sering mengatakan begitu juga dengan fakta-fakta mengenai dengan bahan-bahan perubatan. Kita kadang-kadang jadi merasa lucu, dan siaran-siaran seperti ini adalah siaran yang akan memberi pengajaran kepada masyarakat kita.

Jadi, kalau masyarakat kita dari awal-awal lagi apa yang dikeluarkan oleh kerajaan, perkara-perkara yang tidak betul tentu sekali masyarakat yang menonton juga dapat maklumat ataupun idea yang tidak betul. Jadi, ini yang saya ingin tekankan. Dahulu saya pernah menyarankan supaya ada konsultan ataupun pakar runding, kalau siaran agama itu sebelum ia disiarkan, ataupun drama-drama - kalau siaran agama yang terus oleh ustaz itu tidak payahlah, tetapi kalau siaran drama yang bercorak keagamaan, filem-filem ini harus ditapis dahulu oleh pakar-pakar agama ataupun satu kumpulan bahawa pakar rujuk ataupun konsultan - tidak kisahlah sama ada dilantik oleh kerajaan ataupun swasta, mereka yang berkelulusan, berkebolehan untuk menapis perkara ini betul dan boleh disiarkan.

Begitu juga dengan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan isu korporat. Kita sekarang ini betul sana sini korporat, tetapi ada cara-cara korporat itu tidak betul saya lihat. Saya ini bukan juga ahli korporat yang lamalah, tetapi kita tahulah cara itu dan filem-filem yang berunsur korporat ini mestilah juga ditapis, dilihat oleh sekumpulan ahli-ahli korporat supaya cara perjalanan cerita itu boleh diterima dan menjadi pengajaran kepada orang awam.

Ini yang saya ingin tekankan, begitu juga dengan drama-drama yang berunsur perubatan mesti dilihat dahulu oleh kumpulan pakar-pakar perubatan bahawa perjalanan cerita itu betul menunjukkan unsur-unsur perubatan. Cara jangkitan penyakit itu betul, ada juga saya pernah melihat jangkitan penyakit lain yang dicerita, lain penyakit yang dijangkiti. Dia kata, ada satu cerita itu berkenaan chickenpox dia kata: "Kandungan puan perlu digugurkan." - Salah! Yang digugurkan ialah rubella, German Measles. Jadi, orang awam bila ada chickenpox, dia jumpa doktor dia kata: "Doktor, gugurkan anak saya." Saya kata: "Macam mana?" "Saya tengok drama." Dia suruh gugurkan. Ini tidak betul!

Di sini ada doktor dua, tiga orang dari Kementerian Kesihatan. Jadi, perkara-perkara seperti inilah yang kita perlu, ini soal dasar. Jadi, unsur-unsur perubatan ditapis oleh pakar-pakar dan mesti approved oleh konsultan ini ataupun kumpulan pakar-pakar ini sebelum disiarkan, bukan hantam kromo sahaja, ada drama - siar, ada drama - siar, kualitinya memalukan kadang-kadang. Bila orang yang pakar, kalau orang kampung dia lihat drama itu, dia syoklah, tetapi kita yang pakar, yang tahu perkara itu, kadang-kadang kita ketawa, apa kementerian sudah buat?

Jadi, ini yang kita ingin tegaskan dan di sinilah bermulanya kredibiliti kerajaan untuk mendidik masyarakat. Kalau kita betul, kita beli ada orang siarkan cerita itu katanya bagus jalan cerita tetapi isinya salah, penggambarannya cantik, keindahan Malaysia Port Dickson macam-macam, Gunung Kinabalu tetapi isi tidak betul. Ini yang kita perlu perbetulkan, jadi, mesti selaras, tayangan cantik dan isinya betul, barulah rakyat melihat perkara itu dan menerima dan barulah masyarakat kita betul.

Kebanyakan juga cerita-cerita yang disiarkan itu kalau kita lihat, dia terus kebanyakannya sekarang ini terus, ia rumah orang kaya, 70% orang kita ini orang miskin, mereka tidak mampu mendapat rumah yang secantik segala antik dan sebagainya, tetapi kalau kita boleh jalankan cerita macam mana orang miskin menjadi orang kaya mungkin bagus. Macam mana nelayan miskin boleh menjadi senang dan kaya, itu bagus. Ataupun petani menjadi senang dan kaya, itu bagus.

Jadi, ini yang kita mahu gambarkan di masyarakat kita supaya masyarakat kita bukan menyerap bulat-bulat yang ada, suruh kita berubah sikap tetapi sikap itu berubah di mana? Terus-terus canggih orang kata sekarang, tidak ada daripada bawah. Jadi, ini terus-terus jadi orang kaya, saya orang miskin dahulu, saya tahulah macam mana susah orang miskin, tetapi sekarang anak-anak saya mereka tidak tahu. Tetapi kita mahu mengajar orang-orang kampung dan banyak di kampung-kampung sekarang memang miskin dan kita mahu mengajar mereka macam mana menjadi kaya.

Tuan-tuan dan....[Ketawa] minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, ini soal penguatkuasa undang-undang Kementerian Penerangan. Banyak diperkatakan, saya ingat pindaan rang undang-undang ini banyak saya lihat tadi untuk memperkuat dan membolehkan menteri atau kementerian melaksanakan penguatkuasaan undang-undang. Tetapi penguatkuasaan undang-undang biarlah sejajar dan selaras. Janganlah kalau kita melihat terlampau banyak loop holes, dengan izin, ataupun terlampau banyak "tunggu dahulu" ataupun terlampau banyak "tidak apa" sehingga Kementerian Penerangan menimba kerugian.

Contohnya soal pemberian lesen parabola. Dahulu diberitahu bahawa kita akan beri lesen parabola. Kalau di Sabah, seperti kata kawan-kawan dari Sarawak tadi, boleh dikatakan kalau pergi hari ini pun saya boleh tunjuk siapa yang pakai parabola. Ada yang parabolanya 13 kaki garispusat ataupun diameter. Ia boleh berpusing pula mencari satelit mana. Ia berpusing - remote control. Tidak kurang daripada 48 stesen ia boleh cari - suka-sukalah siaran apa.

Ada pula parabola kecil, lebih kurang 8 kaki. Boleh juga, sama ada ambil palapa, Indonesia, Hong Kong ataupun India - kawasan mana, seluruh dunia pun boleh. Jadi apalah salahnya kalau kerajaan mengambil tindakan cepat kerana semakin lama kita tanggung semakin banyak kita rugi. Kalau kita issue lesen dari dahulu, sekarang kita sudah boleh kutip berjuta-juta ringgit. Jadi, semakin lama kita tanggung, semakin banyaklah kita rugi. Orang tidak boleh tahan barang ini. Orang mesti mahu tengok dan dia mesti dapatkan parabola ini.

Jadi kalau kita issue satu parabola RM100, berapa ribu parabola ada di Malaysia, sudah berapa tahun kita dapat duit pulangan? Fasal lama-kelamaan ataupun mahu tidak mahu, satu hari kita akan beri juga lesen. Jadi kita kaji, perkara ini kita tidak boleh tahan dan kita berilah lesen. Jadi, menyenangkan kerajaan dan menyenangkan hati rakyat. Ini yang kita hendak.

Jadi, janganlah yang ada sekarang, mungkin ada orang tertentu, mungkin ada VIP pakai, kita beri, tetapi orang kampung tidak boleh. Jadi, ini double standardlah. Kita tidak mahu ada orang yang mampu - angkat, dia ambil, bawa dan diberikan lesen. Jadi kita tengok. Kita mahu kerajaan beri. Memang ada kawalan seperti yang saya katakan tadi.

Yang kedua mengenai dengan lesen stesen penyiaran ini. Kita minta kerajaan mesti mengawal betul-betul siapa yang diberi lesen ini. Apakah mereka ini betul-betul mengikuti Akta Penyiaran? Kalau sudah dapat lesen, ertinya lesen untuk mereka menyiar. Mereka ini menyiarkan sesuka hati. Jadi kalau mereka siarkan sesuka hati, kita pun tutup sesuka hatilah. Kita perlu tutup dan matikan lesennya secara sesuka hati jugalah!

Jadi kita mahu kerajaan mengawasi. Jadi, siapa yang melanggar kesalahan ini perlu diberi amaran keras kerana ia begitu mempengaruhi masyarakat. Ia begitu mengarah supaya kita mengikut siaran ini. Jadi mereka yang membuat kesalahan ini perlu diambil tindakan sama ada membatalkan ataupun memberi amaran keras, jikalau buat boleh didenda dan sebagainya. Jadi, ini yang kita perlu tegaskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga itu mengenai dengan pemberian lesen TV kabel dan sebagainya. Sekarang ini saya ingat kementerian mengutip beratus juta ringgit atas lesen TV dan radio, tetapi soal kutipan ini saya ingat begitu sukar. Saya tahu ramai orang ada TV di rumah, tidak kurang daripada dua atau tiga buah, tetapi lesennya satu sahaja. Selepas itu di rumah satu lagi ada lesen TV juga tetapi tidak ada lesen. Selepas itu, lesen radio, dia ada tiga atau empat radio di rumah, selepas itu ada dua atau tiga buah kereta, tetapi ada kereta yang tidak ada lesen radio.

Jadi saya ingat, ada dua atau tiga rumah, tetapi ada satu lesen sahaja. Jadi di sini satu kerugian. Itu pun kalau bayar, dia bayar sekali sahaja seumur hidup. Jadi untuk memberinya - saya tahulah satu lesen satu rumah, tetapi kadang-kadang dia ada lesen di rumah, tetapi di kereta tidak ada lesen! Kalau boleh, soal kutipan pendapatan kerajaan melalui lesen ini perlu diperkemas. Mungkin ada beberapa cara untuk menyelesaikan masalah kutipan lesen ini.

Salah satu mungkin kita kira jangka hayat TV itu. Mungkin TV itu hayatnya 10 tahun. Jadi kita mungkin masukkan terus untuk mengurangkan beban kakitangan Kementerian Penerangan ini supaya harga TV itu termasuk bayar lesen untuk 10 tahun terus - misalnya RM24 kali 10, campur RM24. Jadi setiap kali beli TV, dia terus bayar lesen TV untuk 10 tahun.

Begitu juga dengan radio - RM5 setahun, mungkin jangka hayat radio 3 tahun, dia bayar RM30 tambahan atas kos. Ini tidak payah ada lesen, terus bayar lesen sekali - beli TV bayar lesen terus. Sekali beli radio, bayar lesen terus kalau sukar untuk mengumpul. Mungkin itu salah satu cadangan untuk menyelesaikan masalah kutipan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang perlu kita selesaikan dalam soal siaran kerana kita melihat perkara ini begitu penting dan pengaruhnya kepada masyarakat sekarang pada hari ini ia merupakan segala-galanya, kalau tidak keterlaluan saya katakan. Ia segala-galanya - dari segi aktiviti seharian kepada ekonomi, kepada sosial, perniagaan dan bermacam-macam melalui siaran dan ia adalah salah satu cara untuk menyampaikan maklumat yang paling berkesan pada masa ini.

Jadi, kementerian haruslah melihat perkara ini secara bertegas dan kita mahu ia diambil tindakan yang serius soal yang saya tegaskan tadi iaitu soal akibat dan kesan kepada sosial dan juga keadilan siaran di mana kampung-kampung yang belum ada televisyen itu perlu diambil tindakan dahulu ataupun serentak pada masa ini. Ramai kawan tadi menyarankan supaya ia diberi kelulusan ataupun ditambah antenna atau ditambah pemancar-pemancar supaya keluarga miskin di luar bandar ini tidak ketinggalan dari mendapat maklumat. Kalau dia mendapat maklumat asas yang betul seperti yang saya katakan tadi, barulah berubah sikap dan barulah mereka menerima saranan-saranan kerajaan dan memang pada masa akan datang senang untuk kerajaan membentuk masyarakat di luar bandar.



Jadi, itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kubang Kerian.

6.28 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang. Pembangkang sudah tinggal sekotak sekarang [Ketawa] dan kami berpeluang bercakap lebih banyak, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bila nak joint?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita debat di luarlah! Tuan Yang di-Pertua, masalah media, masalah penyiaran di dunia ini sekarang menjadi satu perniagaan yang cukup lumayan dan media memainkan peranan di samping penyebar maklumat, juga menjadi badan perniagaan boleh diperniagakan sehingga keuntungannya begitu hebat sekali seperti perniagaan di Hollywood yang mengaut berbilion dollar setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, media boleh mencorakkan masyarakat ke arah mana yang mereka mahu. Guru utama kepada masyarakat sekarang ialah media, bukan lagi guru di sekolah atau ibu bapa mereka. Sebab itu kita lihat negara yang maju sekarang ini berlaku kempen pertandingan pilihan raya Amerika. Setelah kempen pertandingan UMNO selesai, sekarang kempen pertandingan Amerika semakin hebat. Calon-calon sekarang ini, tajuk utama yang mereka bincang di Amerika sekarang bukan masalah peranan Amerika di luar, bukan hal human rights, bukan soal keruntuhan ekonomi, bukan soal keadilan umum, tetapi perbincangan mereka sekarang, ketiga-tiga calon, sama ada Rosferod, Bob Dull ataupun Bill Clinton, perbincangan utama mereka sekarang ialah soal abortion, gay dan lesbian. Inilah tajuk....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Boleh sambung esok. [Disampuk]

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sambung? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*